



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



ISI KANDUNGAN

Table of Content

SOROTAN | HIGHLIGHT

M/S 3

Sidang Kemuncak Dunia Kedua untuk Pembangunan Sosial 2025

Second World Summit for Social Development 2025

M/S 4

Persidangan Pelan Hala Tuju Perusahaan Sosial Filipina 2025

2025 Philippine Social Enterprise Roadmap Conference

M/S 6

Pengenalan Gerak Kerja APPGM-SDG bersama Ahli Parlimen

Introduction to the APPGM-SDG Work with Members of Parliament

M/S 7

Solidariti Rentas Sempadan untuk Keamanan, Budaya, dan Alternatif Rakyat di Asia Tenggara di Kemboja

Cross-Border Solidarity for Peace, Culture, and People's Alternatives in Southeast Asia in Cambodia

M/S 9

Persidangan Kerja Sosial Asia Pasifik ke-28 di Sri Lanka

28th Asia Pacific Conference on Social Work in Sri Lanka

M/S 11

Persiapan Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025

Preparation for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

M/S 14

ZON UTARA

Northern Zone

M/S 29

ZON TENGAH

Central Zone

M/S 38

ZON PANTAI TIMUR

East Coast Zone

M/S 42

ZON SELATAN

Southern Zone

M/S 47

WILAYAH SARAWAK

Sarawak Region

M/S 51

WILAYAH SABAH

Sabah Region

PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

• PUSAT MYSDG UNTUK KETERANGKUMAN SOSIAL MYSDG CENTRE FOR SOCIAL INCLUSION	59
• AKADEMI MYSDG & JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MYSDG ACADEMY & CORPORATE COMMUNICATION DEPT	61
• JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN CONSTITUENCY COORDINATION DEPT	64
• JABATAN PENGURUSAN PROJEK PROJECT MANAGEMENT DEPT	65
• JABATAN SOLUSI DASAR POLICY SOLUTIONS DEPT	68
• JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPT	71
• PENGURUSAN PEJABAT OFFICE MANAGEMENT	74


SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

• PROGRAM AKAN DATANG UPCOMING PROGRAMME	M/S 85
--	--------

مؤتمر القمة العالمي الثاني للتنمية الاجتماعية SECOND WORLD SUMMIT FOR SOCIAL DEVELOPMENT

4-6 November 2025 — 6-4 نوفمبر 2025

Doha, Qatar — الدوحة - قطر



4-6.11.2025

Sidang Kemuncak Dunia Kedua untuk Pembangunan Sosial 2025 Second World Summit for Social Development 2025

"Sidang Kemuncak Dunia Kedua untuk Pembangunan Sosial" (*Second World Summit for Social Development*), juga dikenali sebagai "Sidang Kemuncak Sosial Dunia", telah diadakan di Doha, Qatar dan sidang kemuncak ini bertujuan untuk menangani jurang sedia ada dalam pembangunan sosial dan mengukuhkan semula komitmen terhadap Deklarasi Copenhagen dan Program Tindakan (*Copenhagen Declaration and Programme of Action*). Matlamatnya adalah untuk menjana momentum baharu ke arah mencapai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah menghadiri sidang kemuncak ini.

The "Second World Summit for Social Development," also known as the "World Social Summit," was held in Doha, Qatar. The summit aimed to address existing gaps in social development and reaffirm commitment to the Copenhagen Declaration and Programme of Action. The goal is to generate new momentum toward achieving the 2030 Agenda for Sustainable Development. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria attended this summit.



Menghadiri pra-acara 'Forum Solusi untuk Pembangunan Sosial Doha' pada 3 Nov 2025
Attended the pre-event 'Doha Solutions Forum for Social Development' on 3 Nov 2025



Acara sampingan pada 4 November 2025
Side event on 4th November 2025

Bersempena dengan sidang kemuncak tersebut, satu acara sampingan telah diadakan pada 4 November 2025 di bawah tema "Keharmonian Komuniti, Pemberdayaan Wanita & Pembangunan Sosial", menampilkan dua panel: satu menumpukan kepada Keharmonian Komuniti & Pembangunan Sosial, dan satu lagi mengenai Pemberdayaan Wanita & Pembangunan Sosial. Webinar ini telah menghimpunkan penceramah yang memberi inspirasi dari Pakistan, Hong Kong, China, Filipina, dan Malaysia, yang secara kolektif berkongsi inovasi akar umbi, penyelesaian yang didorong oleh keharmonian, dan kemajuan berdasarkan SDG yang dilaksanakan dalam komuniti tempatan mereka.

In conjunction with the summit, a virtual side event was held on 4th November 2025 under the theme "Community Harmony, Women Empowerment & Social Development," featuring two panels: one focusing on Community Harmony & Social Development, and the other on Women Empowerment & Social Development. This webinar brought together inspiring speakers from Pakistan, Hong Kong, China, the Philippines, and Malaysia, who collectively shared grassroots innovations, harmony-driven solutions, and progress based on the SDGs implemented in their local communities.


5-7.11.2025

Persidangan Pelan Hala Tuju Perusahaan Sosial Filipina 2025 *2025 Philippine Social Enterprise Roadmap Conference*

Persidangan Pelan Hala Tuju Perusahaan Sosial Filipina 2025 telah menghimpunkan penggiat yang berorientasikan misi dari seluruh ASEAN untuk membayangkan semula bagaimana inovasi, perpaduan komuniti, dan transformasi digital boleh memacu Ekonomi Sosial dan Solidariti (SSE) ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Diadakan di QC M.I.C.E. Center, persidangan tahun ini bertemakan "Inovasi Teknologi dalam Perusahaan Sosial dan Ekonomi Sosial dan Solidariti untuk SDG" telah menganjurkan perbincangan penting di persimpangan teknologi, dasar dan tujuan.

Delegasi Malaysia diwakili APPGM-SDG—Dr. Khairil Ahmad, Zoel Ng dan Nur Farah Ezzaty—bersama rakan solusi APPGM-SDG; ahli Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari, Sean Lim dan rakan serantau dari Majlis Ekonomi Solidariti Asia (ASEC) iaitu Dr. Eri Trinurini Adhi (Indonesia) dan Dr. Victor Karunan (Thailand).

The 2025 Philippine Social Enterprise Roadmap Conference brought together mission-driven actors across ASEAN to reimagine how innovation, community solidarity, and digital transformation can drive the Social and Solidarity Economy (SSE) towards delivering the Sustainable Development Goals (SDGs). Held at the QC M.I.C.E. Center, this year's conference themed "Technology Innovations in Social Enterprise and the Social and Solidarity Economy for the SDGs", hosted critical conversations at the intersection of technology, policy, and purpose.

Malaysia's delegation was represented by the APPGM-SDG — Dr. Khairil Ahmad, Zoel Ng, and Nur Farah Ezzaty — alongside with APPGM-SDG Solution Provider; Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari's member, Sean Lim, and regional partners from Asian Solidarity Economy Council (ASEC), Dr. Eri Trinurini Adhi (Indonesia) and Dr. Victor Karunan (Thailand).

"Kita adalah sebuah kumpulan solidariti. Walaupun tanpa kontrak, kita bergerak dengan semangat dan visi."


"We are a group of solidarity. Even without contracts, we move with passion and vision."

-Dr. Eri Trinurini Adhi (Indonesia)



Persidangan bermula dengan Sesi Plenari Hari Pertama yang memberikan gambaran keseluruhan strategik mengenai Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN. Ini diikuti dengan Bengkel Tindakan Hari Kedua yang menumpukan kepada peningkatan sokongan rentas sektor, dan diakhiri dengan Pembentangan Hari Ketiga oleh Dr. Khairil Ahmad dan Zoel Ng, mengenai pengukuran impak dan kesinambungan agenda SDG-SSE ASEAN. Refleksi utama menekankan bahawa Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN semakin mendapat daya tarikan dan memerlukan perluasan ke seluruh negara ASEAN untuk mencapai penajaran serantau. Selain itu, acara tersebut menggariskan kepentingan strategik solidariti. Akhir sekali, terdapat penekanan kuat terhadap inovasi digital, menggesa peserta untuk menggunakan platform digital bagi meningkatkan keterlihatan, ketersambungan, dan pengiktirafan dalam bidang penggubalan dasar dan pembiayaan.

The conference began with a Day 1 Plenary Session that provided a strategic overview of the ASEAN SDG-SSE Roadmap. This was followed by a Day 2 Action Workshop focused on enhancing cross-sectoral support, and concluded with Day 3 Presentations by Dr. Khairil Ahmad and Zoel Ng on measuring impact and continuing the ASEAN SDG-SSE agenda, respectively. Key reflections highlighted that the ASEAN SDG-SSE Roadmap is gaining significant traction and requires expansion across ASEAN nations to achieve regional alignment. Furthermore, the event underscored the strategic importance of solidarity. Finally, there was a strong emphasis on digital innovation, urging participants to utilise digital platforms to increase visibility, connectivity, and recognition within policymaking and funding spheres.



**Join the Roadmap
Whatsapp
Community Group**



**Read the Draft of the
Roadmap here**




11.2025

Pengenalan Gerak Kerja APPGM-SDG bersama Ahli Parlimen

Introduction to the APPGM-SDG Work with Members of Parliament

Sekretariat APPGM-SDG telah mengambil inisiatif proaktif dengan mengadakan beberapa siri perjumpaan bersama Ahli Parlimen dari pelbagai kawasan untuk memberikan penerangan komprehensif mengenai gerak kerja dan visi APPGM-SDG. Pihak Sekretariat turut menerima maklum balas dan pengiktirafan terhadap mekanisme yang digunakan dalam mempromosikan Matlamat Pembangunan Lestari. Selain itu, Ahli Parlimen yang hadir turut menyumbangkan cadangan dan berorientasikan penyelesaian untuk terus mempertingkatkan inisiatif APPGM-SDG.

The APPGM-SDG Secretariat has taken a proactive initiative by holding several series of meetings with Members of Parliament (MP) from various constituencies to provide a comprehensive explanation of the operational framework and vision of APPGM-SDG. The Secretariat received feedback and recognition for the mechanism used in promoting the SDGs. Furthermore, the MPs also contributed constructive and solution-oriented suggestions to continuously enhance APPGM-SDG's initiatives.



Bersama Ahli Parlimen dari PKR | With MPs from PKR



Bersama/With YB Puan Lim Hui Ying



Bersama/With YB Puan Wong Shu Qi



Bersama/With YB Puan Yeo Bee Yin



Bersama/With YB Puan Rodiyah Sapiee



Bersama/With YB Puan Young Syefura Othman


11-13.11.2025

Solidariti Rentas Sempadan untuk Keamanan, Budaya, dan Alternatif Rakyat di Asia Tenggara di Siem Reap, Kemboja
Cross-Border Solidarity for Peace, Culture, and People's Alternatives in Southeast Asia in Siem Reap, Cambodia

Hirzawati Atikah dan Raine Melissa telah menghadiri Persidangan Serantau Pergerakan Alternatif dan Solidariti di Asia Tenggara (MASSA) yang ke-6, yang berlangsung di Siem Reap, Kemboja, dari 11 hingga 13 November 2025. Acara ini dianjurkan oleh MASSA dengan kerjasama sebuah organisasi tempatan, *Gender and Development Cambodia* (GADC). Persidangan tersebut menghimpunkan lebih 100 peserta dari seluruh Asia Tenggara dan India, termasuk pelbagai wakil dari NGO dan kumpulan aktivis. Di bawah tema "Solidariti Rentas Sempadan untuk Keamanan, Budaya, dan Alternatif Rakyat di Asia Tenggara," (*Cross-Border Solidarity for Peace, Culture, and People's Alternatives in Southeast Asia*) perbincangan tertumpu kepada solidariti rentas sempadan mengenai pelbagai topik, seperti regionalisme alternatif, budaya tentangan, dan solidariti, di samping maklumat terkini dan rancangan masa depan yang berkaitan dengan MASSA.

Hirzawati Atikah and Raine Melissa attended the 6th Regional Conference of the Movement for Alternatives and Solidarity in the Southeast Asia (MASSA), which took place in Siem Reap, Cambodia, from 11 - 13 November 2025. This event was organised by MASSA in collaboration with Gender and Development Cambodia (GADC). The conference gathered over 100 participants from across Southeast Asia and India, including diverse representatives from NGOs and activist groups. Under the theme "Cross-Border Solidarity for Peace, Culture, and People's Alternatives in Southeast Asia," the discussions focused on cross-border solidarity concerning various topics, such as alternative regionalism, culture of resistance, and solidarity, alongside updates and future plans relevant to MASSA.




Taklimat sebelum Persidangan
Briefing before the Conference



Bersama peserta Indonesia & Timor Leste
With participants from Indonesia & Timor Leste



Bersama ahli Asian Solidarity Economy Council (ASEC) dari Indonesia & Filipina
With Asian Solidarity Economy Council (ASEC) Members from Indonesia & Philippines



Melissa telah melawat **Komuniti Phnom Krom** dan **Khlang Toek Tom Noub**. Empangan yang dipanggil Empangan 78, yang digali menggunakan tangan semasa era Khmer Rouge pada tahun 1978, masih menyokong 260 petani dan lebih 5000 hektar sawah padi. Empangan ini terletak di tengah-tengah kehidupan komuniti, menyokong biodiversiti dan menjadi sauh kepada generasi yang telah mengusahakan tanah tersebut selama berabad-abad. Sawah padi ditentukan melalui memori kolektif, di mana keluarga menguruskan tanah dan air sebahagian besarnya tanpa sokongan kerajaan, manakala syarikat dan pihak swasta telah mewujudkan pertikaian berterusan ke atas sumber.

Melissa visited the **Phnom Krom** and **Khlang Toek Tom Noub Community**. The dam called the 78 Dam, which was hand-dug during the Khmer Rouge era in 1978 is still sustaining 260 farmers and 5000 over Ha of rice fields. The dam lies at the centre of community life, supporting biodiversity and anchoring generations who have farmed the land for centuries. Paddy fields are delineated through collective memory, with families managing land and water largely without government support, while corporations and private actors have created ongoing disputes over resources.

Hirzawati Atikah melawat **Komuniti Trapang Svay** di Angkor Thum. Komuniti ini terlibat dalam konflik tanah dengan seorang biarawati Buddha sejak tahun 2005 dan sedang memperjuangkan hak tanah mereka melalui kes-kes mahkamah. Walaupun menghadapi kesukaran, mereka terus mengamalkan pertanian tradisional, termasuk penyimpanan benih asli. Meskipun hasil pertanian mereka tidak mencukupi untuk menampung keperluan seluruh komuniti, kecekalan dan keberanian mereka mendorong mereka untuk terus berusaha. Komitmen ini penting kerana hasil pertanian tersebut membantu menampung perbelanjaan mereka bagi perbicaraan mahkamah yang berterusan.

Hirzawati Atikah visited the **Trapang Svay Community** at Angkor Thum. This community has been involved in a land conflict with a Buddhist religious nun since 2005 and has been pursuing their land rights through court cases. Despite their struggle, they continue to practice traditional farming, including native seed saving. Although the yield from their farming is insufficient to cover the needs of the whole community, their resilience and courage commit them to continue. This commitment is crucial as the farming helps support their expenses for the continuous court battles.




18-21.11.2025

Persidangan Kerja Sosial Asia Pasifik ke-28 di Colombo, Sri Lanka *28th Asia Pacific Conference on Social Work in Colombo, Sri Lanka*

Paniirselvam dan Lydia Ann telah mengambil bahagian dalam Persidangan Kerja Sosial Asia Pasifik ke-28 (28th Asia Pacific Conference on Social Work) di Colombo, Sri Lanka, sebuah persidangan yang didedikasikan untuk menangani cabaran yang ditimbulkan oleh perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar di seluruh rantau ini. Lydia membentangkan kertas kerjanya, "*Socioeconomic Development in Malaysia and What It Means for Social Policy*," di mana beliau menggariskan metodologi penyelidikan APPGM-SDG dan membincangkan isu-isu tertentu yang dihadapi oleh pulau-pulau kecil di Malaysia, seperti hakisan pantai dan masalah ketersambungan. Selepas pembentangannya, Lydia menjawab soalan mengenai cabaran etika penyelidikan akar umbi, berdasarkan pengalamannya di Pulau Mantanani, Sabah. Paniirselvam pula membentangkan kertas kerjanya, "*Green Social Work: A Malaysian case study on the multi-level & multi-stakeholders' SDG & SSE participatory approach in designing the micro ecological solutions at the macro level in ensuring environmental justice & sustainability*," yang memperincikan bagaimana APPGM-SDG menginstitusikan pendekatan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan untuk menyampaikan penyelesaian hijau dengan mengintegrasikan tiga teori dan kerangka utama yang berkaitan dengan SDG, SSE dan Kerja Sosial bagi memastikan keadilan dan kelestarian alam sekitar.

Paniirselvam and Lydia Bill participated in the 28th Asia Pacific Conference on Social Work in Colombo, Sri Lanka, a conference dedicated to addressing challenges posed by climate change and environmental degradation across the region. Lydia presented her paper, "Socioeconomic Development in Malaysia and What It Means for Social Policy," where she outlined the APPGM-SDG's research methodology and discussed specific issues faced by Malaysia's small islands, such as coastal erosion and connectivity. Following her presentation, she addressed a question regarding the ethical challenges of grassroots research, drawing on her experience in Pulau Mantanani, Sabah. Paniirselvam presented his paper, "Green Social Work: A Malaysian case study on the multi-level & multi-stakeholders' SDG & SSE participatory approach in designing the micro ecological solutions at the macro level in ensuring environmental justice & sustainability" which detailed how APPGM-SDG institutionalises a participatory, multi-stakeholder approach to deliver green solutions by integrating three major theories and frameworks related to SDG, SSE, and Social Work to ensure environmental justice and sustainability.





Lawatan Pembelajaran ke Ibu Pejabat Sarvodaya Sri Lanka
Learning visit to Sarvodaya Headquarters Sri Lanka



Paniirselvam dan Lydia telah menerima sambutan mesra daripada komuniti di Puttur, Jaffna, semasa lawatan yang penuh bermakna ke perkampungan pantai berhampiran Point Pedro, hujung utara Sri Lanka. Komuniti nelayan ini, yang pernah menghadapi kemusnahan semasa tsunami 2004, telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa dengan berjaya membina semula kehidupan dan mata pencarian mereka. Perkampungan tersebut, yang juga mempunyai pulau-pulau kecil serupa dengan konteks Malaysia, amat bergantung pada kemahiran turun-temurun—seperti membaca ombak dan memahami pola cuaca—untuk strategi kesiapsiagaan dan mitigasi mereka semasa musim monsun dan taufan.

Paniirselvam and Lydia received a warm welcome from the community in Puttur, Jaffna, during an insightful visit to the coastal village near Point Pedro, the northernmost tip of Sri Lanka. This fishing community, which faced devastation during the 2004 tsunami, has demonstrated remarkable resilience by successfully rebuilding their lives and livelihoods. The village, which also features small islands similar to the Malaysian context, relies heavily on generational intelligence—such as reading waves and understanding weather patterns—for their preparedness and mitigation strategies during monsoon and typhoon seasons.



Lawatan latihan pembuatan cendawan
Mushroom production training visit



Paniirselvam dan Lydia telah melawat sebuah program pemerksaan wanita yang mendapat permintaan tinggi, yang berfokuskan kepada jahitan. Inisiatif ini, yang diketuai oleh Pastor Sutarsan, telah melatih kira-kira 18-20 wanita dari latar belakang kurang berkemampuan merentasi tiga kumpulan, menyediakan mereka dengan kemahiran menjana pendapatan alternatif semasa musim bukan pertanian bagi keluarga petani. Pelatih-pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan di kedai-kedai jahitan tempatan, memperoleh pendapatan antara Rs1,500 hingga Rs3,000 sebulan, dengan pendapatan melonjak kepada purata Rs30,000 semasa musim perayaan.

Paniirselvam and Lydia visited a highly sought-after women's empowerment programme focused on tailoring. This initiative, led by Pastor Sutarsan, has trained approximately 18-20 women from disadvantaged backgrounds across three batches, providing them with alternative income generation skills during the seasonal off-periods for farming families. The trainees have successfully found work in local tailoring shops, earning between Rs1,500 to Rs3,000 monthly, with incomes surging to an average of Rs30,000 during festive seasons.




24-27.11.2025

Persiapan Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025

Preparation for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

APPGM-SDG dengan kerjasama Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad serta Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) akan menganjurkan Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 pada 1 dan 2 Disember 2025 dengan sokongan dana daripada Dana Kelestarian Rakan APPGM-SDG, Inisiatif Intervensi Dasar (kerjasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah serta Kementerian Kewangan).

Tamu SDG merupakan karnival komuniti yang menghimpunkan Rakan Solusi dari seluruh Malaysia bagi mempamerkan impak, produk, inovasi serta perkhidmatan berasaskan komuniti yang menyumbang kepada pembangunan mampan. Ia akan menjadi platform penting untuk berkongsi hasil kerja APPGM-SDG melalui kerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen Malaysia serta Kementerian Kewangan dalam memperkasa masyarakat akar umbi. Persiapan karnival melalui reruai APPGM-SDG telah dilakukan di Parlimen Malaysia dari 24 hingga 27 November 2025.

APPGM-SDG, in collaboration with Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad and Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL), will organise the TAMU SDG: Community Sustainability Carnival 2025 on 1st and 2nd December 2025. This event is supported by funding from the APPGM-SDG Partners Sustainability Fund and the Policy Intervention Initiative (a collaboration between APPGM-SDG, Yayasan Hasanah, and the Ministry of Finance).

Tamu SDG is a community carnival that brings together Solution Partners (SP) from across Malaysia to showcase community-based impacts, products, innovations, and services that contribute to sustainable development. It will serve as an important platform for sharing the results of APPGM-SDG's work, achieved through cooperation with Members of the Parliament and the Ministry of Finance, in empowering grassroots communities. Preparations for the carnival through the APPGM-SDG booth, were conducted at the Malaysian Parliament from 24th to 27th November 2025.







AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH

ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentasi sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localisation efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zone and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues (IAD), and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. **This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarter, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.

Accomplished



6.11.2025

Ipoh - Inisiatif Belia Berisiko

Ipoh - Youth At Risk Initiative

7



James Raj telah mengadakan mesyuarat dengan Mary Malar dan En. Nadarajah di Kelab Ipoh Anderson untuk membincangkan kemajuan inisiatif Belia Berisiko (Youth At Risk).

James Raj held a meeting with Mary Malar and Mr. Nadarajah at the Ipoh Anderson Club to discuss the progress of the Youth At Risk initiative.

7.11.2025

Kampar - Lawatan Kajian SPIRAL bersama Wild Asia

Kampar - SPIRAL Study Tour with Wild Asia

8



Sebagai sebahagian daripada Lawatan Kajian SPIRAL bersama Wild Asia, James Raj, Darshini, dan Nur Shaidatul telah melawat dua ladang kelapa sawit di Kampar, Perak, untuk mempelajari amalan pertanian mampan. En. Mat Jais, seorang petani berpengalaman, berkongsi pengalamannya dalam Program BIO sejak 2021, di mana beliau menggunakan bio-baja dan bio-enzim untuk meningkatkan kesihatan tanah tanpa bahan kimia. Mereka juga melawat ladang En. Yusof yang mengamalkan sistem tanaman-ternakan bersepadu dengan menanam jagung dan menternak 30 ekor lembu, di mana sisa jagung dijadikan makanan lembu, dan najis lembu digunakan sebagai baja organik. Pendekatan ini membolehkan pengurangan penggunaan baja kimia dalam penanaman kelapa sawit, sekali gus meningkatkan kesuburan tanah dan kelestarian ladang secara keseluruhan.

As part of the SPIRAL Study Tour with Wild Asia, James Raj, Darshini, and Nur Shaidatul visited two palm oil farms in Kampar, Perak, to learn about sustainable farming practices. Mr. Mat Jais, an experienced farmer, shared his experience in the BIO Program since 2021, where he uses bio-fertiliser and bio-enzyme to improve soil health without chemical substances. They also visited Mr. Yusof's farm, which practices an integrated livestock-crop system by cultivating corn and rearing 30 beef cattle, where corn waste is used as feed for the cows, and cow manure is used as organic fertiliser. This approach allows for the reduction of chemical fertiliser usage in oil palm cultivation, thereby improving soil fertility and the overall sustainability of the farm.

6-7.11.2025

Parlimen Ipoh Barat - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025*Ipoh Barat Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025*

9



Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) 2025 bagi KRT Jelapang melalui *Rise & Shine – Leadership Retreat* telah berlangsung di Pulau Pangkor dengan penyertaan 20 peserta serta bimbingan Pn. Pathma Devi dan Prof. Dr. Richard Ng. Program ini bertujuan memupuk kerjasama, komunikasi berkesan, kefahaman SDG, kreativiti dalam melaksanakan aktiviti komuniti serta membangunkan potensi kepimpinan akar umbi. Secara keseluruhan, peserta menunjukkan peningkatan motivasi, kepimpinan dan semangat kejiwaan, sekali gus memperkukuh peranan mereka dalam pembangunan komuniti setempat.

The Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) 2025 for KRT Jelapang through the Rise & Shine – Leadership Retreat was held in Pulau Pangkor with the participation of 20 participants under the guidance of Ms. Pathma Devi and Prof. Dr. Richard Ng. The programme aimed to foster teamwork, effective communication, SDG awareness, creativity in implementing community activities, and the development of grassroots leadership potential. Overall, participants showed increased motivation, leadership, and community spirit, strengthening their roles in local community development.

9.11.2025

Parlimen Larut - Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Strategi SPM 2025*Larut Parliament - Closing Ceremony of the SPM Strategy Workshop 2025*

10



Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Strategi SPM 2025, Larut telah berlangsung di Dewan Dataran Selama, Majlis Daerah Selama (MDS), Selama, Perak. Majlis ini dihadiri oleh James Raj sebagai tetamu khas majlis tersebut.

The Closing Ceremony of the SPM Strategy Workshop 2025, Larut was held at Dataran Selama Hall, Selama District Council (MDS), Selama, Perak. The event was attended by James Raj, who served as the special guest of honour.

8-9.11.2025

Memperkasakan Komuniti: Peringkat Negeri Mengenai Hak Asasi Manusia dan Kesaksamaan Gender

Empowering Communities: State Level on Human Rights and Gender Equality

11



Norazura telah menghadiri program “Memperkasakan Komuniti: Peringkat Negeri Mengenai Hak Asasi Manusia dan Kesaksamaan Gender,” di Impiana Hotel, Ipoh, yang dianjurkan oleh *Asian Pacific Resource and Research Center for Women* (ARROW). Objektif utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kapasiti pemimpin dan organisasi komuniti dengan memperdalam pemahaman mereka tentang hak asasi manusia, kesaksamaan gender, dan akses kepada perkhidmatan penting.

Norazura attended “Empowering Communities: State Level on Human Rights and Gender Equality,” at Impiana Hotel, Ipoh, and organised by the Asian Pacific Resource and Research Center for Women (ARROW). The core objective of this workshop was to enhance the capacity of community leaders and organisations by deepening their understanding of human rights, gender equality, and access to essential services.

12.11.2025

Ipoh - Program Pembangunan Belia

Ipoh - Youth Development Programme

12



Mary Malar dan En. Nadarajah telah mengadakan lawatan ke rumah keluarga bakal peserta di Bercham dan First Garden, Ipoh, untuk memperkenalkan Program Pembangunan Belia. Sesi taklimat ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan membina kepercayaan, sambil menghuraikan objektif, aktiviti utama, dan jangkaan impak program. Lawatan ini juga penting bagi mendapatkan sokongan ibu bapa terhadap penyertaan anak-anak mereka dalam program yang akan datang.

Mary Malar and Mr. Nadarajah conducted a visit to the homes of potential participants' families in Bercham and First Garden, Ipoh, to introduce the Youth Development Programme. This briefing session aimed to create awareness and build trust, while elaborating on the program's objectives, main activities, and expected impact. The visit was also important for gaining parental support for their children's participation in the upcoming programme.



13.11.2025

Parlimen Kulim-Bandar Baharu - Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG

Kulim-Bandar Baharu Parliament - SDG Capacity Building Workshop

13



Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG bagi Parlimen Kulim-Bandar Baharu telah diadakan di Ixora Hotel dengan penyertaan 17 wakil agensi kerajaan daerah dan wilayah, membincangkan beberapa isu utama termasuk operasi kuari haram yang melibatkan aktiviti pengeluaran pasir tanpa kawalan dan kebenaran pihak berkuasa, serta tekanan air rendah, di mana meskipun Loji Rawatan Air (LRA) baharu bakal siap, kapasiti tersebut dijangka masih tidak mencukupi susulan pertumbuhan pesat projek perumahan di Kulim-Bandar Baharu.

The SDG Capacity Building Workshop for the Kulim-Bandar Baharu Parliamentary Constituency was held at Ixora Hotel with the participation of 17 representatives from district and regional government agencies. The workshop addressed several key issues, including illegal quarry operations involving uncontrolled sand extraction without proper authorisation, and low water pressure, where despite the upcoming completion of the new Water Treatment Plant (LRA), its capacity is expected to remain insufficient due to the rapid growth of housing projects in Kulim-Bandar Baharu.

15.11.2025

Parlimen Padang Rengas - Projek Kelas Pecutan Juara SPM & UASA Sr 2025

Padang Rengas Parliament - SPM & UASA Sr 2025 Champion Acceleration Class Project

14



Program perasmian "Kelas Pecutan Juara SPM & UASA Sr 2025" di bawah Projek Fasa 1 Parlimen Padang Rengas telah disempurnakan oleh YB Kapten Azahari Hasan. Program ini melibatkan 30 pelajar—15 dari sekolah rendah dan 15 dari sekolah menengah—dengan memfokuskan kepada subjek teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, dan Sains. Keunikan inisiatif ini adalah kejayaan mengintegrasikan rumah ibadat sebagai hab komuniti untuk pendidikan, dengan sokongan guru yang berdedikasi, sekali gus menyediakan platform pembelajaran terarah kepada pelajar. Program ini diakhiri dengan pemberian sijil dan komputer tablet untuk meningkatkan motivasi pelajar, yang diharapkan mampu melahirkan generasi yang lebih berdaya saing.

The inauguration ceremony for the "SPM & UASA Sr 2025 Champion Acceleration Class" under Phase 1 of the Padang Rengas Parliament Project was officiated by YB Captain Azahari Hasan. This programme involved 30 students—15 from primary schools and 15 from secondary schools—focusing on core subjects such as Malay Language, English Language, Mathematics, History, and Science. The uniqueness of this initiative lies in its success in integrating a place of worship as a community hub for education, with the support of dedicated teachers, thereby providing a focused learning platform for the students. The program concluded with the presentation of certificates and tablet computers to boost the students' motivation, which is expected to produce a more competitive generation of students.

15.11.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek Pertanian Menegak (Vertical Farming) Organik Bersepadu Isipadu Tinggi dalam Rumah Hijau

Larut Parliament - High Volume Integrated Organic Vertical Farming in Greenhouse Project Visit

15



Lawatan telah diadakan ke Projek Pertanian Menegak (Vertical Farming) Organik Bersepadu Isipadu Tinggi dalam Rumah Hijau oleh Rainhill Agro di Larut, Perak, yang berada dalam fasa pemantauan dan menggunakan baja organik Panja-Kavya. Projek diteruskan dengan sistem pertanian menegak serta penanaman bendi dan terung, namun berdepan isu bekalan tenaga solar sehingga memerlukan penggunaan generator. Setelah bekalan air stabil, benih tilapia akan dilepaskan bagi membolehkan air nutrien digunakan semula untuk tanaman sebagai langkah kelestarian. Peserta turut berminat mencuba kaedah pertanian organik di kebun mereka sendiri.

A visit was held to the High Volume Integrated Organic Vertical Farming in Greenhouse Project by Rainhill Agro in Larut, Perak, which is currently in the monitoring phase and uses Panja-Kavya organic fertiliser. The project continues with a vertical farming system and the planting of okra and eggplant, but faces issues with solar power supply, requiring the use of a generator for water pumping. Once the water supply stabilises, tilapia will be released into the tanks to allow nutrient-rich water to be reused for crops as a sustainability measure. Participants also expressed interest in trying organic farming methods in their own gardens.

15.11.2025

Parlimen Bagan Serai - Lawatan Projek Penternakan Ikan Talapia dan Puyu Siam Hibrid

Bagan Serai Parliament - Tilapia and Hybrid Siamese Snakehead Fish Farming Project Visit

16



Projek Penternakan Ikan Talapia dan Puyu Siam Hibrid menggunakan sistem RAS berintegrasi akuaponik oleh Andarasa Resources dilaksanakan di rumah peserta dan melibatkan 10 peserta bagi fasa kedua. Pn. Norizan mengusahakan satu tong tilapia dan satu tong puyu bagi kegunaan sendiri dan jualan, sementara En. Azmi menambah tong dan benih puyu serta menanam pucuk paku menggunakan air kolam ternakan. En. Jamaludin turut menambah satu tong baharu untuk pengurusan pembesaran ikan yang lebih teratur.

The Tilapia and Hybrid Siamese Snakehead Fish Farming Project using an integrated RAS aquaponic system by Andarasa Resources is implemented at participants' homes and involves 10 participants in its second phase. Ms. Norizan manages one tilapia tank and one snakehead tank for personal use and sales, while Mr. Azmi added an extra tank, new snakehead fingerlings, and grows fiddlehead ferns using water from the livestock pond water. Mr. Jamaludin also added a new tank to better manage fish growth.

15.11.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek Kolam dan Kebun Komuniti Pantai Kamloon

Larut Parliament - Pantai Kamloon Community Pond and Garden Project Visit

17



Lawatan tapak ke Projek Kolam dan Kebun Komuniti Pantai Kamloon oleh Rural Malaysia mendapati penternakan ikan keli berjalan aktif secara berkelompok dengan 3,000 benih dilepaskan ke sangkar asuhan sebelum dipindahkan ke kolam utama apabila matang. Untuk kelestarian, jumlah benih yang sama akan diganti semula bagi memastikan bekalan berterusan. Ikan matang akan dijual dan hasil diagihkan mengikut penglibatan peserta. Peserta juga mengambil inisiatif menanam pokok di sekitar kolam untuk mengukuhkan tanah memandangkan projek terletak di kawasan bendang yang mudah terjejas.

The site visit to the Pantai Kamloon Community Pond and Garden Project by Rural Malaysia found that catfish farming is actively carried out in groups, with 3,000 fingerlings released into nursery cages before being transferred to the main pond once matured. For sustainability, the same number of fingerlings will be replenished to ensure a continuous supply. Mature fish will be sold, and the harvest will be distributed to participants based on their level of involvement. Participants have also taken the initiative to plant trees around the pond to strengthen the soil structure, as the project is located in a paddy field area that is prone to erosion.

16.11.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek Penanaman Cendawan Jeli Hitam

Larut Parliament - Black Jelly Mushroom Cultivation Project Visit

18



Lawatan ke Projek Penanaman Cendawan Jeli Hitam oleh Beseri Agrofarm Resource yang dijalankan secara berasingan di rumah peserta dan kini berada dalam fasa pemantauan mendapati peserta dibekalkan dengan cendawan jeli hitam, tiram dan sisir. Menurut pengurus projek, lima peserta masih berminat untuk meneruskan projek dan akan menerima bongkah baharu, manakala beberapa peserta turut mengambil inisiatif menggantikan kanvas atap yang rosak. Bongkah lama juga digunakan sebagai medium untuk menanam sayur-sayuran bagi menyokong kelestarian hidup. Lawatan ini turut disertai LC Padang Besar, Ilman Syahir, bagi memberi pendedahan tentang projek dalam kawasan pengurusan mereka.

The visit to the Black Jelly Mushroom Cultivation Project by Beseri Agrofarm Resource, which is carried out individually at participants' homes and is currently in the monitoring phase, found that participants were provided with black jelly, oyster, and sisir mushroom varieties. According to the project manager, five participants remain interested in continuing the project and will be supplied with new mushroom blocks, while some participants have taken the initiative to replace damaged canopy covers. Old mushroom blocks are also being reused as a medium for growing vegetables to support household sustainability. The visit was also joined by the Padang Besar LC, Ilman Syahir, to provide exposure to the project within his constituency.

16.11.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek Fertigasi Cili Komuniti Kg. Kubang Juluk

Larut Parliament - Kg. Kubang Juluk Community Chili Fertigation Project Visit

19



Lawatan ke tapak Projek Fertigasi Cili Komuniti Kg. Kubang Juluk oleh Pertubuhan Masyarakat Padang Terap mendapati 800 daripada 1,000 polibeg telah disediakan, dengan setiap peserta menguruskan 100 polibeg. Sekam padi digunakan sebagai medium kerana lebih mudah diperolehi dan lebih menjimatkan berbanding coco peat. Tiga peserta berusia 16 tahun turut terlibat bagi memberi pendedahan awal dalam bidang pertanian, dan pengalaman selama dua tahun dalam projek ini membolehkan mereka memohon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 sebagai pengiktirafan kemahiran.

The visit to the Kg. Kubang Juluk Community Chili Fertigation Project by Pertubuhan Masyarakat Padang Terap found that 800 out of 1,000 polybags have been prepared, with each participant managing 100 polybags. Rice husk is used as the growing medium as it is easier to obtain and more cost-effective than coco peat. Three 16-year-old participants are also involved to provide early exposure to agriculture, and their two years of practical experience in this project will enable them to apply for the Malaysian Skills Certificate (SKM) Level 3 as recognition of their competencies.

16.11.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek Kerang-kerangan

Larut Parliament - Shellfish Project Visit

20



Lawatan ke Projek Kerang-kerangan oleh FINS Gemilang Enterprise mendapati tapak projek terletak jauh dari jeti nelayan bagi mengelakkan kecurian, dengan sebuah bangsal dibina untuk kegunaan aktiviti. Menurut pengurus projek, sebanyak 75 guni anak benih kerang telah dilepaskan dan setiap peserta diberikan satu sangkar untuk dijaga, dengan jangkaan hasil pada bulan Januari. Peserta turut berdepan cabaran apabila jeti rosak akibat ribut, menyebabkan mereka perlu melakukan kerja pembaikan sebelum aktiviti dapat dijalankan seperti biasa.

The visit to the Shellfish Project by FINS Gemilang Enterprise found that the project site is located far from the fishermen's jetty to prevent theft, with a shed built for project activities. According to the project manager, 75 sacks of cockle seedlings have been released and each participant is assigned one cage to manage, with the harvest expected in January. Participants also face challenges as the jetty was damaged by a storm, requiring repair work before activities can resume as usual.

17.11.2025

Parlimen Taiping - Projek Kebun Komuniti

Taiping Parliament - Community Farming Project

21



Dato' Seri Haji Wan Mohd. Isa Dato' Haji Wan Mohd. Razalli telah merasmikan Projek Kebun Komuniti Masjid At-Taufiqiah Pokok Assam, Taiping, yang memfokuskan kepada penggunaan Teknik Rantaian Hidroponik Hygropot (Taiping).

Dato' Seri Haji Wan Mohd. Isa Dato' Haji Wan Mohd. Razalli officiated the At-Taufiqiah Mosque Community Garden Project in Pokok Assam, Taiping, which focuses on using the Hygropot Hydroponic Linkage Technique (Taiping).

17.11.2025

Ipoh - Program Pembangunan Belia Berisiko

Ipoh - Youth at Risk Development Programme

22



Satu perjumpaan telah diadakan oleh James Raj dan Mary Malar untuk bertemu dengan ibu bapa bakal peserta program Pembangunan Belia Berisiko yang akan datang, dengan sokongan daripada Rakan Solusi (SP) En. Satiha. Sesi ini bertujuan untuk membincangkan program penuh yang akan dijalankan bagi 25 hingga 30 orang belia di Sungai Siput pada 13 Disember ini.

A meeting was held by James Raj and Mary Malar to meet with the parents of potential participants for the upcoming Youth at Risk Development Programme, with support from Solution Partner (SP) Mr. Satiha. This session aimed to discuss the full program that will be conducted for 25 to 30 youths in Sungai Siput on 13th December.

17.11.2025

Parlimen Jerai - Lawatan Projek Penanaman menggunakan Kaedah dan Pertanian Pintar Rumah Hijau

Jerai Parliament - Cultivation using Methods and Greenhouse Smart Farming Project Visit

23



Lawatan ke tapak Projek *Cultivation using Methods and Greenhouse Smart Farming* oleh AIMST University projek kini memasuki Fasa 2. Tanaman Fasa 1 masih diusahakan secara organik. Untuk Fasa 2, sebanyak 500 polibeg akan dipindahkan ke rumah hijau di AIMST University manakala 500 lagi akan dikekalkan di tapak asal, mengambil kira faktor usia dan kesihatan peserta. Pelajar universiti juga akan membantu pelaksanaan projek di greenhouse.

The site visit to the Cultivation using Methods and Greenhouse Smart Farming Project by AIMST University found that the project has now entered Phase 2. Phase 1 continue to be cultivated organically. For Phase 2, 500 polybags will be relocated to the greenhouse at AIMST University while another 500 will remain at the original site, taking into account participants' age and health conditions. University students will also assist with the implementation of the project in the greenhouse.

17.11.2025

Parlimen Sungai Petani - Lawatan Projek Penanaman Berkonsepkan Organik dan Lestari

Sungai Petani Parliament - Sustainable and Organic-Based Farming Project Visit

24



Lawatan ke Projek Penanaman Berkonsepkan Organik dan Lestari oleh Matahari Organic Farm di Sungai Petani mendapati projek kini dalam fasa pemantauan, dengan peserta bersama-sama menghasilkan baja kompos dan EM untuk tanaman seperti serai masakan, serai wangi dan limau kasturi, yang berjaya dituai sebanyak 10 kg dan dijual kepada komuniti. Projek ini turut membela ayam menggunakan makanan organik sebagai inisiatif kelestarian tambahan. Peserta, termasuk Pn. Yati, memperoleh kemahiran baharu sehingga berjaya menghasilkan mi sizzling organik yang membantu menambah pendapatan.

The visit to the Sustainable and Organic-Based Farming Project by Matahari Organic Farm in Sungai Petani found that the project is currently in its monitoring phase, with participants collectively producing compost and EM for crops such as culinary lemongrass, citronella, and calamansi, of which 10 kg have been successfully harvested and sold to the community. The project also includes organic-fed chicken rearing as an additional sustainability initiative. Participants, including Ms. Yati, have gained new skills, enabling her to produce organic sizzling noodles that help increase her income.

17.11.2025

Parlimen xx - Lawatan Projek Akuaponik Komuniti Ke Arah Kelestarian dan Sara Diri Makanan

xx Parliament - Community Aquaponics Towards Sustainability and Food Self-sufficiency Project Visit

25



Lawatan ke Projek Projek Akuaponik Komuniti Ke Arah Kelestarian dan Sara Diri Makanan oleh Kairos Harvest Sdn. Bhd. mendapati En. Akmal sedang membina kolam tambahan untuk menempatkan tilapia dewasa, sementara benih baharu akan dilepaskan bagi memastikan kelestarian projek, selain membina bumbung untuk mengelakkan gangguan kera. Seorang lagi peserta, En. Ahmad, turut mengambil inisiatif membela benih ikan daripada sistem akuaponiknya, dan hasil ikan serta sayuran digunakan untuk kegunaan sendiri bagi mengurangkan kos sara hidup.

The visit to the Community Aquaponics Towards Sustainability and Food Self-sufficiency Project by Kairos Harvest Sdn. Bhd. found that Mr. Akmal is constructing an additional pond to house mature tilapia, while new fingerlings will be released to ensure the project's sustainability. He is also building a roof to protect the aquaponics system from monkey disturbances. Another participant, Mr. Ahmad, has taken the initiative to raise fish fingerlings produced through his aquaponics system, using the fish and vegetables for his own household consumption, helping to reduce his living costs.

17.11.2025

Parlimen Sungai Petani - Lawatan Projek Kebun Akuponik Lestari Komuniti Pondok Sukun

Sungai Petani Parliament - Pondok Sukun Community Sustainable Aquaponics Garden Project Visit

26



Lawatan ke Projek Kebun Akuponik Lestari Komuniti Pondok Sukun oleh MIMS Kompos Smart Venture mendapati tiga set akuaponik akan dibina di tiga lokasi berasingan, termasuk pondok aktiviti peserta dan dua kawasan tanah yang diratakan, bersama tiga tangki ikan—puyu, keli dan tilapia—bagi menyokong sistem tersebut. Projek berdepan cabaran struktur tanah kerana tapak merupakan kawasan berpaya yang telah ditambah. Pengurus projek turut merancang penternakan black soldier fly sebagai komponen kompos untuk kelestarian. Lawatan ini turut disertai LC Permatang Pauh, Cik Nurul, bagi memberi pendedahan terhadap projek dalam kawasan pengurusanannya.

The visit to the Community Sustainable Aquaponics Garden Project at Pondok Sukun by MIMS Kompos Smart Venture found that three aquaponics sets will be built at three separate locations—the participants' activity hut and two levelled land areas—along with three fish tanks for snakehead, catfish and tilapia to support the system. The project faces challenges related to soil structure, as the site is located on a reclaimed swamp area. The project manager also plans to rear black soldier flies as a compost component to support sustainability. The visit was also joined by the Permatang Pauh LC, Ms. Nurul, to provide exposure to the project within her constituency.

17.11.2025

Parlimen Bukit Bendera - Lawatan Projek Penanaman Terung dan Sayuran

Bukit Bendera Parliament - Eggplant and Vegetable Farming Project Visit

27



Lawatan ke Projek Penanaman Terung dan Sayuran oleh MPKK Perai mendapati kebun ini kini mempunyai 36 jenis tanaman termasuk serai, bendi, terung dan ubi kayu, semuanya diusahakan secara organik dengan kompos buatan peserta. Hasil tuaian telah memberi manfaat kepada 22 keluarga setempat, dan untuk kelestarian projek, mereka turut menerima sumbangan set hidroponik daripada Jabatan Pertanian yang sedang dipasang. Lawatan ini turut disertai LC Permatang Pauh, Nurul, bagi memberi pendedahan mengenai projek dalam kawasan pengurusanannya.

The visit to the Eggplant and Vegetable Farming Project by MPKK Perai found that the garden now has 36 types of crops, including lemongrass, okra, eggplant and cassava, all grown organically using compost produced by the participants. The harvest has benefited 22 local families, and to support the project's sustainability, they have also received a hydroponic set from the Department of Agriculture, which is currently being installed. The visit was also joined by the Permatang Pauh LC, Nurul, to provide exposure to the project within her constituency.

17.11.2025

Darshini and Nur Shaidatul visited SK Tanjung Kupang to monitor the Projek Kebun Hidroponik Berkuasa Solar. The project is running well, with students, teachers, and the PIBG working together to maintain an efficient hydroponic system that produces fresh vegetables for sale. Participants also showcased innovation by creating value-added products like fried basil and spinach, highlighting strong educational, entrepreneurial, and sustainability impacts.



4.11.2025

Parlimen Segamat - Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG

Segamat Parliament - SDG Capacity Building Workshop

58



Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG Parlimen Segamat telah diadakan VIP Hotel Segamat, Johor, melibatkan 33 peserta dari pelbagai agensi kerajaan daerah, bertujuan meningkatkan kefahaman tentang pelaksanaan SDG dan peranan agensi dalam menangani isu tempatan. Semasa bengkel, peserta mengenal pasti isu keutamaan seperti banjir dan kesiapsiagaan bencana, peningkatan penyalahgunaan dadah, serta keperluan untuk memperkukuh laluan pendidikan dan latihan bagi anak kelainan upaya demi masa depan yang inklusif dan mampan.

The SDG Capacity Building Workshop for Segamat Parliament was held at the VIP Hotel Segamat, Johor, involving 33 participants from various district government agencies, aiming to enhance the understanding of SDG implementation and the role of agencies in addressing local issues. During the workshop, participants identified priority issues such as flooding and disaster preparedness, the increase in drug abuse, and the need to strengthen educational and training pathways for children with disabilities for an inclusive and sustainable future.

6.11.2025

Daerah Melaka Tengah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Melaka Tengah District - Capacity Building Workshop for District Agencies

59



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Daerah bagi Parlimen Tangga Batu telah diadakan di Ames Hotel, Ayer Keroh, Melaka. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil dari pelbagai agensi daerah seperti Penghulu Mukim, PDRM, JKM, SWCorp dan Jabatan Pendidikan Daerah, dengan fokus utama kepada dua modul. Program ini mendapat maklum balas yang sangat positif daripada peserta agensi kerana ia memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang peranan masing-masing dalam mencapai 17 matlamat SDG dan mereka berharap lebih banyak program serupa dapat diadakan untuk menggalakkan perbincangan antara agensi.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 2: District Agencies for the Tangga Batu Parliament was held at Ames Hotel, Ayer Keroh, Melaka. The workshop was attended by representatives from various district agencies such as Penghulu Mukim (Sub-District Chiefs), PDRM (Royal Malaysia Police), JKM (Social Welfare Department), SWCorp, and the District Education Department, with the main focus on two modules. The program received very positive feedback from the agency participants as it provided them with a deeper understanding of their respective roles in achieving the 17 SDGs, and they hoped that more similar programmes could be held to encourage discussions between agencies.

9.11.2025

Parlimen Batu Pahat - Projek 'From Cherry to Cup'

Batu Pahat Parliament - From Cherry to Cup Project

60



Yoogeswaran telah menghadiri majlis graduasi projek Batu Pahat, "From Cherry to Cup," di mana seramai 10 orang peserta komuniti tempatan berjaya menamatkan latihan mereka untuk menjadi barista peringkat permulaan. Inisiatif ini telah berjaya memperkasakan peserta dengan memberikan mereka kemahiran dan pengetahuan yang berharga tentang industri kopi, sekaligus membuka peluang kepada mereka untuk meneroka peluang ekonomi yang baharu.

Yoogeswaran attended the graduation ceremony for the Batu Pahat project, "From Cherry to Cup," where 10 local community participants successfully completed their training to become beginner-level baristas. This initiative successfully empowered the participants by providing them with valuable skills and knowledge about the coffee industry, opening doors to new economic opportunities.

12.11.2025

Daerah Kuala Pilah - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Kuala Pilah District - Capacity Building Workshop for District Agencies

61



Program Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar SDG Siri 2: Agensi Daerah bagi Daerah Kuala Pilah telah berlangsung di Hotel Melang Inn dengan penyertaan 9 agensi kerajaan, termasuk Majlis Daerah Kuala Pilah, FELDA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), PDRM, Pejabat Hutan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Belia & Sukan serta Pejabat Pertanian. Program ini turut melibatkan Prof. Zainal Abidin Sanusi bersama Dr. Wan Suzita dan Dr. Wan Asiah, serta dibantu oleh Seri dan Aina (LC). Bengkel ini merangkumi dua modul utama yang memfokuskan pengukuhan kapasiti agensi dalam menangani isu daerah secara lebih strategik dan bersepadu.

The SDG Policy Intervention Capacity-Building Programme Series 2: District Agencies for Kuala Pilah District was held at Hotel Melang Inn with the participation of nine government agencies, including the Kuala Pilah District Council, Felda, the Department of Veterinary Services (JPV), the Royal Malaysia Police (PDRM), the District Forestry Office, the Social Welfare Department (JKM), the Department of Environment (JAS), the Youth & Sports Office, and the District Agriculture Office. The programme also involved Prof. Zainal Abidin Sanusi alongside Dr. Wan Suzita and Dr. Wan Asiah, and was supported by Seri and Aina (LC). This workshop comprised two main modules focusing on strengthening agency capacity to address district issues more strategically and collaboratively.

19.11.2025

Daerah Melaka Tengah - Mesyuarat Poket

Melaka Tengah District - Pocket Meeting

62



Mesyuarat Poket bersama Jabatan Perikanan Daerah Melaka Tengah diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada Pn. Mastura dan Pn. Syuhada berhubung isu berlarutan yang menjejaskan kebajikan nelayan di Parlimen Tangga Batu. Jabatan Perikanan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut berkongsi mengenai program Teman kepada Nelayan yang memfokuskan usaha mengkomersialkan ikan air tawar seperti ikan keli.

The Pocket Meeting with the Melaka Tengah District Fisheries Department was held to obtain feedback from Pn. Mastura and Pn. Syuhada regarding the prolonged issues affecting the welfare of fishermen in the Tangga Batu Parliamentary constituency. The Fisheries Department, together with the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM), also shared information on the Teman kepada Nelayan programme, which focuses on commercialising freshwater species such as catfish.

26.11.2025

Daerah Pontian - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah


Pontian District - Capacity Building Workshop for District Agency

63



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Daerah Pontian bagi gabungan Parlimen Pontian dan Parlimen Tanjung Piai telah berlangsung di Kukup Golf Resort dengan penyertaan 18 pegawai daripada agensi daerah yang berada di bawah pihak berkuasa tempatan yang sama. Bengkel ini meliputi dua modul utama iaitu penilaian risiko dan impak pembangunan serta perancangan agensi daerah bersama pelan tindakan. Program berjalan lancar dengan sokongan fasilitator dan penglibatan aktif para peserta sepanjang sesi.

The Capacity Building for Policy Intervention Series 2: Pontian District Agencies for the combined Pontian and Tanjung Piai Parliamentary constituencies took place at Kukup Golf Resort, with the participation of 18 officers from district agencies under the same local authority. The workshop covered two main modules, namely development risk and impact assessment, and district agency planning with an accompanying action plan. The programme ran smoothly with the support of facilitators and the active engagement of participants throughout the session.



1.11.2025

Parlimen Lubok Antu - 'Aram Begempuru': Program Kesedaran Komuniti, Jangkauan dan Keusahawanan Kraf Tempatan Lubok Antu

Lubok Antu Parliament - 'Aram Begempuru: Lubok Antu Community Awareness, Outreach and Local Craft Entrepreneurship Programme

64



Raine Melissa, Eva Kristin dan Corrin Alicia menghadiri majlis penutupan "Aram Begempuru: Program Kesedaran Komuniti, Jangkauan dan Keusahawanan Kraf Tempatan Lubok Antu" anjuran *Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA)* di Kompleks Sukan Lubok Antu. Majlis tersebut disempurnakan oleh YB Datuk Malcolm Mussen Lamoh, dengan kehadiran Pegawai Daerah Lubok Antu, En. Akoi Ejau serta En. Zainie Aji yang mewakili YB Tuan Roy Angau Gingkoi. Majlis ini turut menampilkan Pameran Sehenti dengan penyertaan pelbagai agensi.

Raine Melissa, Eva Kristin, and Corrin Alicia attended the closing ceremony of the "Aram Begempuru: Lubok Antu Community Awareness, Outreach and Local Craft Entrepreneurship Programme" organised by Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA) at Kompleks Sukan Lubok Antu. The event was officiated by YB Datuk Malcolm Mussen Lamoh, with Lubok Antu District Officer Mr. Akoi Ejau and Mr. Zainie Aji, representing YB Tuan Roy Angau Gingkoi, also present. The ceremony featured a One-Stop Exhibition with various agency booths.

1.11.2025

Bahagian Sarikei - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Sarikei Division - Capacity Building Workshop for Local Leaders

65



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi bagi Parlimen Julau telah diadakan di Sarikei, Sarawak. KMKK Parlimen Julau telah berjaya membentuk kepimpinan dan memperkukuh hubungan komuniti melalui pendedahan kepada SDG serta kepentingan libat urus berkesan dengan agensi kerajaan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Larry Sng Wei Shien, Ahli Parlimen Julau merangkap Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention Series 1: Local Leaders for Julau Parliament was held in Sarikei, Sarawak. The Julau Parliament Community SDG Committee (KMKK) successfully developed leadership and strengthened community relations through exposure to the SDGs and the importance of effective engagement with government agencies. The programme was officiated by YB Datuk Larry Sng Wei Shien, Member of Parliament for Julau cum Chairman of the Malaysian Timber Industry Board (MTIB).

2.11.2025

Daerah Kuching - FGD bersama Komuniti Flat Taman Sri Harmoni*Kuching District - FGD with the Taman Sri Harmoni Flat Community*

66



Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama Komuniti Flat Taman Sri Harmoni telah diadakan di perkarangan Dewan Serbaguna Taman Sri Harmoni, melibatkan 12 penduduk serta Tn. Clement selaku LC Baram. Ketua Komuniti, En. Awang Tuah, turut berkongsi bahawa Taman Sri Harmoni yang ditubuhkan sejak tahun 2000 kini terdiri daripada 14 blok flat dan 48 rumah teres dengan lebih 3,000 penduduk berbilang kaum, namun berdepan beberapa cabaran asas berkaitan penyelenggaraan kemudahan.

The Focus Group Discussion (FGD) with the Taman Sri Harmoni Flat Community was held at the Taman Sri Harmoni Multipurpose Hall compound, involving 12 residents as well as Mr. Clement, the LC for Baram. The Community Leader, Mr. Awang Tuah, also shared that Taman Sri Harmoni, established in 2000, now consists of 14 flat blocks and 48 terrace houses with more than 3,000 multicultural residents, but continues to face several basic challenges related to facility maintenance.

6.11.2025

Daerah Kuching - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan*Kuching District - Capacity Building Workshop for Local Leaders*

67



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar: Siri 1 Pemimpin Tempatan bagi Daerah Kuching telah diadakan di Lot 10 Boutique Hotel dengan kehadiran 27 peserta. Bengkel ini bertujuan membina kefahaman asas tentang SDG dalam konteks tempatan. Sesi dijalankan secara amali melalui tiga bahagian utama. Pendekatan ini lebih efektif, membolehkan peserta mengaitkan isu mendesak kawasan mereka dengan kerangka SDG, menekankan bahawa selain infrastruktur, faktor sosial juga penting untuk pembangunan komuniti mampan.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention: Series 1 for Local Leaders in the Kuching District was held at the Lot 10 Boutique Hotel with the attendance of 27 participants. The workshop aimed to build a basic understanding of the SDGs in the local context. The session was conducted in a hands-on manner through three main parts. This approach proved more effective, enabling participants to relate the pressing issues in their areas to the SDG framework, highlighting that beyond infrastructure, social factors are equally important for sustainable community development.



10.11.2025

Daerah Saratok - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan
Saratok District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

68



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar: Siri 1 Pemimpin Tempatan bagi daerah Saratok telah berlangsung di Dewan Abdul Aziz, Masjid Al-Muhtaddin dengan penyertaan 17 pemimpin tempatan. Program memberi fokus kepada pemahaman asas SDG, perancangan pembangunan setempat dan pengukuhan kepimpinan melalui aktiviti perbincangan isu, pemetaan kemudahan asas dan latihan komunikasi. Peserta lebih memahami peranan mereka dalam penyetempatan SDG, keperluan perancangan komuniti yang teratur serta kepentingan komunikasi berkesan dalam menyampaikan bantuan dan menangani isu setempat.

The Capacity Building Workshop for Policy Intervention: Series 1 Local Leaders for the Saratok district was held at Dewan Abdul Aziz, Masjid Al-Muhtaddin with the participation of 17 local leaders. The programme focused on foundational SDG understanding, local development planning, and leadership strengthening through issue-based discussions, infrastructure mapping, and communication training. Participants gained clearer insight into their roles in SDG localisation, the need for structured community planning, and the importance of effective communication in delivering assistance and addressing local issues.

6.11.2025

Parlimen Bandar Kuching - FGD Bersama Komuniti Setinggalan Kg Sri Maimunah
Bandar Kuching Parliament - FGD with the Squatter Community of Kg Sri Maimunah

69



Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) telah diadakan di Komuniti Setinggalan Kg Sri Maimunah, Sg Apong, melibatkan 11 orang Ahli Jawatankuasa dan penduduk, dengan tujuan mengumpul maklumat mengenai isu-isu utama yang dihadapi. Kg Sri Maimunah, yang didiami sejak akhir 1970-an, kini berdepan dengan pelbagai isu kritikal, termasuk bekalan elektrik tidak formal yang bersumberkan meter surau, tanah tidak stabil akibat aktiviti tongkang pasir yang memerlukan penempatan semula, masalah banjir semasa fenomena air pasang besar dan isu keselamatan seperti ancaman buaya dan tiang lampu yang tidak berfungsi.

A Focus Group Discussion (FGD) was held at the Kg Sri Maimunah Squatter Community, Sg Apong, involving 11 Committee Members and residents, with the aim of gathering information regarding the main issues faced. Kg Sri Maimunah, which has been inhabited since the late 1970s, is currently facing various critical issues, including informal electricity supply sourced from the surau meter, unstable land due to sand barge activities requiring resettlement, flooding problems during king tides phenomenon and safety issues such as crocodile threats and non-functional streetlights.



20.11.2025


Parlimen Batang Sadong - FGD Bersama Komuniti Kampung Lubuk Punggur
Batang Sadong Parliament - FGD with the Kampung Lubuk Punggur Community

70



Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama komuniti Kampung Lubuk Punggur di Bilik JKKK telah mengenal pasti beberapa isu utama, termasuk masalah pengambilan dan pembahagian tanah yang tidak teratur, kekurangan lampu solar di kawasan jeti, risiko keselamatan akibat populasi buaya, sistem perparitan dan jalan raya yang tidak diselenggara, keadaan dewan dan bangunan Tabika yang daif, serta keperluan klinik bergerak untuk warga emas. Komuniti berharap agar urusan tanah diselaraskan semula, lampu solar ditambah, tindakan diambil terhadap ancaman buaya, kemudahan asas seperti perparitan, jalan, dewan dan tabika dinaik taraf, kawalan vandalisme diperkukuh, serta perkhidmatan klinik bergerak disediakan secara berkala.

A Focus Group Discussion (FGD) with the community of Kampung Lubuk Punggur at the JKKK Hall identified several key issues, including irregular land acquisition and lot distribution, insufficient solar lighting at the jetty, safety risks due to crocodile presence, poorly maintained drainage and roads, deteriorating community hall and tabika building, as well as the need for mobile clinic services for the elderly. The community hopes for better coordination of land matters, additional solar lights, immediate action on the crocodile threat, upgrades to basic facilities such as drainage, roads, hall and Tabika, strengthened measures against vandalism, and regular mobile clinic services.



WILAYAH SABAH | SABAH REGION

SABAH | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

3.11.2025

Social Enterprise World Forum (SEWF) 2025

Social Enterprise World Forum (SEWF) 2025

71



Mc Jeanet dan Nor Amirul menghadiri Social Enterprise World Forum 2025 di Sabah International Convention Centre (SICC), sebuah perhimpunan inspirasi yang menghimpunkan usahawan sosial, pembuat perubahan dan organisasi daripada pelbagai sektor untuk berkongsi cerita, idea dan pengalaman. Beberapa Penyedia Penyelesaian turut serta dalam acara ini, ada yang membuka reruai untuk memperkenalkan inisiatif mereka, manakala yang lain menyertai sesi untuk belajar, berhubung dan mendapatkan inspirasi.

Mc Jeanet and Nor Amirul attended the Social Enterprise World Forum 2025 at the Sabah International Convention Centre (SICC), an inspiring gathering that brought together social entrepreneurs, changemakers, and organizations from different sectors to share stories, ideas, and experiences. Several Solution Providers were also part of the event, some set up booths to showcase their initiatives, while others joined the sessions to learn, connect and be inspired.

4.11.2025

Perbincangan mengenai Ekosistem Inovasi Sosial Sabah

Discussion on the Sabah Social Innovation Ecosystem

72



Mc Jeanet dan Dr. Jain Yasin, mewakili Pejabat Wilayah Sabah APPGM-SDG, telah menghadiri Perbincangan mengenai Ekosistem Inovasi Sosial Sabah bersama Sasakawa Peace Foundation atas jemputan SCENIC. Perbincangan ini berfokus kepada peranan pelbagai pihak berkepentingan dalam menyokong keusahawanan sosial di Sabah. Semasa sesi tersebut, wakil APPGM-SDG telah berkongsi tentang kerja yang dijalankan oleh APPGM-SDG di Sabah dan menonjolkan inisiatif yang telah dilaksanakan untuk mempromosikan keusahawanan sosial di rantau ini.

Mc Jeanet and Dr. Jain Yasin, representing the Sabah Regional APPGM-SDG Office, attended the Discussion on the Sabah Social Innovation Ecosystem with the Sasakawa Peace Foundation, held upon invitation by SCENIC. The discussion focused on the role of various stakeholders in supporting social entrepreneurship in Sabah. During the session, the APPGM-SDG representatives shared the work being carried out by APPGM-SDG in Sabah and highlighted initiatives that have been implemented to promote social entrepreneurship in the region.

6.11.2025

Daerah Kota Belud - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Kerajaan

Kota Belud District - Capacity Building Workshop for District Government Agencies

73



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Kerajaan merupakan kesinambungan daripada Siri 1 yang melibatkan 27 peserta daripada 19 jabatan dan agensi kerajaan. Bengkel ini meneliti isu keutamaan daerah. Pegawai Daerah, En. Peter Jiton menegaskan kepentingan kerjasama antara semua agensi. Bengkel ini dianjurkan oleh Penyelaras Tempatan daerah Kota Belud yang dibantu oleh penyelaras tempatan dari enam parlimen lain, dengan kerjasama Pejabat Daerah.

The Capacity Building Workshop on Policy Interventions Series 2: Government Agencies is a continuation of Series 1. 27 participants from 19 government departments and agencies. The workshop examined key district issues, and the District Officer, Mr. Peter Jiton, emphasised the importance of cooperation among all agencies. It was organised by the Local Coordinator of Kota Belud district with the help from local coordinators from six other constituencies in collaboration with the District Office.

7.11.2025

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah - Kunjungan Hormat

Sabah State Economic Planning Unit (UPEN) - Courtesy Visit

74



Pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan kunjungan hormat ke UPEN Sabah, yang dipengerusikan oleh En. Tseu Kei Yue, Timbalan Pengarah Dasar UPEN Sabah. Tujuan utama sesi ini adalah untuk membina kerjasama strategik, berkongsi gerak kerja, pencapaian, dan impak projek APPGM-SDG di seluruh Sabah, serta meneroka potensi penyelarasan agenda pembangunan negeri berteraskan SDG. Kunjungan hormat ini mendapat sambutan positif daripada pihak UPEN Sabah, yang menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dan bertindak sebagai penghubung utama bagi memudahcara penyelarasan dengan agensi-agensi berkaitan dalam pelaksanaan agenda SDG di peringkat negeri.

The APPGM-SDG team for the Sabah Region paid a courtesy visit to UPEN Sabah, which was chaired by Mr. Tseu Kei Yue, Deputy Director of Policy at UPEN Sabah. The main objectives of this session were to build strategic cooperation, share the work progress, achievements, and impact of APPGM-SDG projects throughout Sabah, and explore the potential for aligning the state's development agenda based on the SDGs. The courtesy visit received a very positive response from UPEN Sabah, which expressed its willingness to collaborate and act as the main liaison to facilitate coordination with relevant agencies in the implementation of the SDG agenda at the state level.

8.11.2025

Parlimen Ranau - Projek "Content Creator" Luar Bandar

Ranau Parliament - Rural Content Creator Project

75



Nor Amirul dan Mohd Ikram menghadiri sesi penutupan projek "Content Creator" Komuniti Luar Bandar di Ranau, yang dirasmikan oleh Pegawai Daerah Ranau, En. Tinus Manggam dan dijalankan dengan bimbingan Rakan Solusi, En. Malvin dan Pn. Nazeera. Projek ini bertujuan memperkasakan 10 belia luar bandar dengan kemahiran penciptaan kandungan digital untuk mempromosikan komuniti dan produk tempatan. Sesi penutupan yang turut dihadiri oleh Pegawai Khas MP Ranau (Encik Ivan Mario Benedict), agensi tempatan, dan 8 penerima manfaat, menjadi platform bagi peserta berkongsi pencapaian, membuktikan bahawa kemahiran digital mampu mengukuhkan potensi diri dan memberi impak positif kepada komuniti setempat.

Nor Amirul and Mohd Ikram attended the closing session of the "Content Creator" Rural Community project in Ranau, which was officiated by the Ranau District Officer, Mr. Tinus Manggam, and was carried out under the guidance of Solution Partners, Mr. Malvin and Ms. Nazeera. This project aimed to empower 10 rural youths with digital content creation skills to promote local communities and products. The closing session, which was also attended by the Ranau MP's Special Officer (Mr. Ivan Mario Benedict), local agencies, and 8 project beneficiaries, served as a platform for participants to share their achievements, proving that digital skills can strengthen self-potential and positively impact the local community.

8.11.2025

Parlimen Putatan - Projek Inkubator Mikro Usahawan Suri Rumah dan Ibu Tunggal

Putatan Parliament - Micro-Entrepreneur Incubator Project for Housewives and Single Mothers

76



Mc Jeanet dan Dr. Jain menghadiri Majlis Penutupan Projek Inkubator Mikro Usahawan Suri Rumah dan Ibu Tunggal di Pan Borneo Hotel, yang disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Shahelmey Yahya, Ahli Parlimen Putatan. Seramai 16 peserta daripada tiga buah kampung telah menyertai projek ini. Setelah menerima *starter kit*, para peserta, yang turut membuka reruai pameran produk seperti spa berasaskan rumah, telah menunjukkan hasil pembelajaran dan pencapaian mereka, membuktikan bahawa program ini telah memberi impak positif dengan membolehkan mereka memulakan aktiviti keusahawanan sendiri.

Mc Jeanet and Dr. Jain attended the Closing Ceremony of the Micro-Entrepreneur Incubator Project for Housewives and Single Mothers at the Pan Borneo Hotel, which was officiated by YB Datuk Ir. Shahelmey Yahya, Member of Parliament for Putatan. A total of 16 participants from three villages joined the project. After receiving a starter kit, the participants, who also set up exhibition booths for products such as home-based spa services, showcased their learning outcomes and achievements, proving that the programme has made a positive impact by enabling them to start their own entrepreneurial activities.

12.11.2025

Parlimen Putatan - Projek Kursus Latihan Penjaga

Putatan Parliament - Caregiver Training Course project

77



Projek Kursus Latihan Penjaga di Putatan yang dilaksanakan oleh En. Kent bertujuan memperkukuh kemahiran penjaga dalam penjagaan warga emas. Seramai sebelas peserta mengikuti sesi berkaitan risiko jatuh, pencegahan jatuh dan respons kecemasan, disertai latihan simulasi untuk meningkatkan pemahaman. Projek ini turut dilawati oleh Nor Amirul, yang berkongsi pandangan mengenai ekonomi penjagaan di Malaysia, National Ageing Blueprint (NAB) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), sekali gus menggalakkan peserta melihat bidang penjagaan sebagai kerjaya yang berpotensi dan semakin berkembang.

The Caregiver Training Course project in Putatan, implemented by Mr. Kent to strengthen caregivers' skills in elderly care. Eleven beneficiaries joined a session on fall risk, fall prevention and emergency response, supported by a simulation exercise to deepen understanding. This project were visited by Nor Amirul where he also shared insights on Malaysia's care economy, the National Ageing Blueprint (NAB) and the upcoming 13th Malaysia Plan (RMK-13) which encouraging participants to see caregiving as a viable and growing career pathway.

20-21.11.2025

Pemantauan Bulanan bagi Projek Sekuriti Makanan

Monthly Monitoring for the Food Security Project

78



Pemantauan Bulanan bagi Projek Sekuriti Makanan di Wilayah Sabah telah diadakan dan dipimpin oleh Mc Janet, Ikram, Nor Amirul dan Nur Shaidatul. Seramai 17 SP hadir dalam mesyuarat tersebut dan membentangkan perkembangan serta kemajuan projek masing-masing. Dalam sesi itu, para pegawai turut mengingatkan SP agar mematuhi garis masa yang telah ditetapkan dalam kertas cadangan.

Monthly Monitoring for the Food Security Project in the Sabah Region was held and led by Mc Janet, Ikram, Nor Amirul and Nur Shaidatul. A total of 17 SPs attended the meeting and presented their project updates and progress. During the session, the officers also reminded the SPs to adhere to the timeline outlined in the proposal.



21.11.2025

Pengenalan & perbincangan Inisiatif Pertanian Rumpai Laut berasaskan Komuniti bersama dengan Seadling

Introduction and Discussion on Community-Based Seaweed Farming Initiatives with Seadling

79



Mc Jeanet, Nur Amirul dan Mohd Ikram telah mengadakan pengenalan dan perbincangan dengan wakil Seadling iaitu Pn. Liana May dan Pn. Nicholes Lee bagi membincangkan inisiatif pertanian rumpai laut berasaskan komuniti yang sedang dijalankan di Semporna. Seadling kini bekerjasama dengan 370 jurulatih petani, menyokong 294 petani melalui platform perdagangan mereka, melibatkan 310 wanita dalam program mereka, serta telah mengeluarkan lebih 452 kg plastik sekali guna dari lautan. Kedua-dua pihak berkongsi kerja masing-masing, cabaran melibatkan komuniti luar bandar dan pesisir pantai, serta meneroka potensi Seadling untuk menjadi SP APPGM-SDG berdasarkan kehadiran komuniti yang kukuh dan kepakaran mereka dalam pertanian mampan.

Mc Jeanet, Nur Amirul, and Mohd Ikram met with Seadling representatives Ms. Liana May and Ms. Nicholes Lee for a productive discussion on their ongoing community-based seaweed initiatives in Semporna. Seadling works with 370 farmer trainers, supports 294 farmers on its trading platform, engages 310 women, and has removed over 452 kg of single-use plastic from the ocean. Both sides shared their work, challenges in rural and coastal community engagement, and explored the potential for Seadling to become an APPGM-SDG SP given its strong community presence and sustainable farming expertise.

24.11.2025

Parlimen Papar - Lawatan Projek ke Inovasi Penanaman Padi

Papar Parliament - Paddy Planting Innovation Project Visit

80



Mc Janet, Nor Amirul dan Mohd Ikram telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Inovasi Penanaman Padi menggunakan Teknologi Drone dan Amalan Agroekologi di Papar yang diketuai En. Jerry bersama 10 peserta. Rombongan meninjau tapak projek seluas 11 ekar dan dimaklumkan bahawa penuaian baru selesai dengan hasil 26 jambu, setiap satu dianggarkan 400–600 kg. Pasukan juga turut menyaksikan demonstrasi penggunaan drone untuk penyemaian, pembajaan dan penyiraman, di samping mendengar perkongsian cabaran cuaca tidak menentu serta penggunaan benih tahan penyakit yang membantu memastikan tanaman kekal subur. Projek ini telah dilawati oleh Mc Janet, Nor Amirul dan Mohd Ikram.

The Paddy Planting Innovation Project using Drone Technology and Agroecological Practices in Papar, led by En. Jerry with 10 participants. The team visited the 11-acre project site and was informed that harvesting had recently been completed with a yield of 26 jambu, each estimated at 400–600 kg. They also observed a drone demonstration for seed broadcasting, fertiliser application and watering, and received a briefing on the challenges posed by unpredictable weather, as well as the use of disease-resistant paddy seeds that help keep the crop healthy and resilient. The project was visited by Mc Janet, Nor Amirul and Mohd Ikram.

24.11.2025

Parlimen Beaufort - Projek Penambahbaikan Taman Rekreasi Bukit Bendera*Beaufort Parliament - The Bukit Bendera Recreational Park Improvement Project*

81



Projek Penambahbaikan Taman Rekreasi Bukit Bendera, Lembah Padas, Beaufort yang dikendalikan Rakan Solusi En. Kahar. Hujan menghadkan tinjauan kepada gerbang masuk laluan, namun lawatan tetap membantu menilai keadaan fizikal dan keperluan segera. Pada waktu malam, pertemuan bersama rakan solusi diadakan bagi membincangkan cadangan penambahbaikan. Antara inisiatif susulan termasuk pemasangan papan tanda, pembersihan berkala dan pemantauan keselamatan untuk memastikan laluan lebih selamat dan selesa, sambil memahami cabaran komuniti dalam membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi rekreasi yang lestari.

The Bukit Bendera Recreational Park Improvement Project in Lembah Padas, Beaufort, managed by En. Kahar. Rain limited the visit to the entrance area, but the team was still able to assess the site's condition and immediate needs. A follow-up discussion with the solution provider was held that evening to review improvement way forward. Ongoing efforts include installing signboards, regular site cleaning and safety monitoring to ensure a safer, more comfortable trail while addressing the community's challenges in developing Bukit Bendera as a sustainable recreational destination.

25.11.2025

Parlimen Labuan - Majlis Penutupan Projek Agro Muda Labuan*Labuan Parliament - Closing Ceremony of The Agro Muda Labuan Project*

82



Majlis penutupan Projek Agro Muda Labuan telah diadakan di W.P. Labuan, dikendalikan Rakan Solusi Tuan Haji Abas dengan pengawasan Ketua Pegawai FAMA Labuan, En. Jeffri dan disempurnakan oleh Mohd Fazi bin Mohain mewakili YB Dato' Indera Dr. Suhaili Abd. Rahman. Turut hadir Pn. Syazwani Mohd Helmie dari BKMM KKM serta En. Zaimi Abu Bakar dari Jabatan Pertanian. Projek ini menumpukan kepada peningkatan pengeluaran pertanian, pembangunan produk hiliran dan pemasaran, dan berjaya membantu peserta meningkatkan kemahiran serta menjana pendapatan tambahan melalui penjualan produk mereka.

The closing ceremony of the Agro Muda Labuan Project was held in W.P. Labuan, led by Solution Provider Tuan Haji Abas under the supervision of FAMA Labuan Chief Officer En. Jeffri, and officiated by Mohd Fazi bin Mohain on behalf of YB Dato' Indera Dr. Suhaili Abd. Rahman. Also present were Pn. Syazwani Mohd Helmie from BKMM KKM and En. Zaimi Abu Bakar from the Department of Agriculture. The project focused on improving agricultural production, developing downstream products, and strengthening marketing efforts, successfully helping participants enhance their skills and generate additional income through the sale of their products.

25.11.2025

Parlimen Labuan - Projek Memperkasakan Kemahiran Wanita Tani Dan Ekonomi Homebased Industri

Labuan Parliament - Women Farmers' Skills Empowerment and Home-Based Industry Economic Project

83



Lawatan ke Projek Memperkasakan Kemahiran Wanita Tani dan Ekonomi Homebased Industri yang dikendalikan oleh Rakan Solusi, Pn. Mimi, melibatkan 17 penerima manfaat dengan tujuan menilai pelaksanaan, impak dan penambahbaikan projek. Rakan Solusi turut mempamerkan produk seperti anyaman daun pandan dan daun getah serta sabun buatan tempatan sebagai hasil kemahiran peserta. Selain itu, kursus pemasaran digital oleh FAMA Labuan yang dikendalikan En. Syazwan membantu memperkasa peserta memasarkan produk mereka ke pasaran lebih luas, sekali gus menyokong keberlanjutan projek.

The visit to the Women Farmers' Skills Empowerment and Home-Based Industry Economic Project, led by Solution Partner Pn. Mimi and involving 17 beneficiaries, aimed to assess the project's implementation, impact, and areas for improvement. The Solution Partner also showcased products such as woven crafts made from pandan and rubber leaves, as well as locally produced soap, reflecting the skills gained by participants. In addition, a digital marketing course conducted by FAMA Labuan officer En. Syazwan equipped participants with strategies to promote their products to wider markets, further supporting the project's long-term sustainability.

26.11.2025

Parlimen Sipitang - Projek Trigona Beestari – Penternakan Lebah Kelulut

Sipitang Parliament - Trigona Beestari Project – the Kelulut Honey Bee Farming

84



Lawatan ke Projek Trigona Beestari – Penternakan Lebah Kelulut Komuniti Kg Pepolor, Sipitang yang diketuai SP Pn. Arnilah melibatkan kunjungan ke bengkel pemprosesan madu serta sesi perkongsian bersama peserta. Projek yang kini memasuki fasa kedua menunjukkan peningkatan pendapatan daripada RM6,888.98 pada fasa pertama kepada RM8,866, selain kejayaan membina bengkel madu secara gotong-royong yang mencerminkan semangat pemilikan komuniti. Peserta turut menjana pendapatan RM150–RM300 setiap tuaian dan menghasilkan produk hiran seperti sabun dan ais krim madu kelulut, di samping diberi peluang menjadi jurulatih melalui program SOSEA. Komuniti Kg Pepolor juga kini bersedia memasarkan madu kelulut jenama sendiri.

The visit to the Trigona Beestari Project – the Kelulut Honey Bee Farming at Kg Pepolor, Sipitang, led by SP Pn. Arnilah, included a tour of the honey processing workshop and a sharing session with participants. Now in its second phase, the project has shown an increase in income from RM6,888.98 in the first phase to RM8,866, along with the successful construction of a honey workshop through gotong-royong, reflecting strong community ownership. Participants also earn RM150–RM300 per harvest and produce value-added products such as kelulut honey soap and ice cream, while some have been given the opportunity to be trained as instructors through the SOSEA programme. The Kg Pepolor community is now ready to market their own branded kelulut honey.



PUSAT-PUSAT MYSDG & JABATAN-JABATAN APPGM-SDG MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui penyelidikan dasar, pembangunan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap pusat dan jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, Akademi MySDG, Jabatan Solusi Dasar, dan Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each centre and department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Academy, Policy Solutions Department** and **Parliamentary Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localisation.*

With strategic support from the APPGM-SDG Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.



3-4.11.2025

Persidangan Antarabangsa Mengenai Dasar Awam dan Kepimpinan 2025

International Conference on Public Policy and Leadership 2025

85



Abdullah menghadiri Persidangan Antarabangsa Mengenai Dasar Awam dan Kepimpinan 2025, di mana beliau telah dijemput untuk membentangkan kertas penyelidikannya mengenai Pendidikan Orang Asli, yang disokong oleh MySDG-CSI Case Study Small Grants Programme (CSSG). Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, dan menampilkan ucap ternaik oleh Dato' Sri Idris Jala, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, serta Mr. Edward Vrkcic, Wakil Residen UNDP.

Abdullah attended the International Conference on Public Policy and Leadership 2025, where he was invited to present his research paper on Orang Asli Education, supported by the MySDG-CSI Case Study Small Grants Programme (CSSG). The conference was officiated by the Minister of Higher Education, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, and featured keynote speeches by Dato' Sri Idris Jala, Former Minister under the Prime Minister's Department, and Mr Edward Vrkcic, UNDP Resident Representative.

11.11.2025

SBE Forum: Merangka Halatuju Pendidikan Inklusif Orang Asli

SBE Forum: Charting Pathways for Inclusive Orang Asli Education

86



Abdullah telah menghadiri Forum Pendidikan Berasaskan Kekuatan (SBE): Merangka Halatuju Pendidikan Inklusif Orang Asli, yang dianjurkan oleh Yayasan GAMUDA. Acara tersebut merangkumi beberapa sesi panel yang memfokuskan kepada pendidikan inklusif untuk komuniti Orang Asli dan diakhiri dengan perbincangan meja bulat yang menyentuh bidang utama seperti harapan untuk pendidikan Orang Asli, peluang pekerjaan, laluan alternatif, dan potensi solusi untuk masa hadapan.

Abdullah attended the Strengths-Based Education (SBE) Forum: Charting Pathways for Inclusive Orang Asli Education, hosted by Yayasan GAMUDA. The event included several panel sessions focused on inclusive education for the Orang Asli community and concluded with a roundtable discussion that addressed key areas such as expectations for Orang Asli education, employment opportunities, alternative pathways, and potential future solutions.



14.11.2025

Meja Bulat mengenai Kebebasan Maklumat (FOI) di Malaysia*Roundtable on Freedom of Information (FOI) in Malaysia*

87



Dr. Khairil Ahmad dan Abdullah telah menghadiri Meja Bulat Mengenai Kebebasan Maklumat (FOI) di Malaysia: Memperkukuh Rangka Kerja Undang-undang dan Memajukan Keterbukaan, yang dianjurkan oleh *Centre for Independent Journalism (CIJ)*, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSSC) mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Pembaharuan Institusi, serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesi panel dalam meja bulat ini bertujuan untuk meneliti kepentingan FOI merentasi pelbagai sektor bagi semua lapisan masyarakat, mengkaji ekosistem maklumat sedia ada, dan mempertimbangkan hala tuju ke hadapan.

Dr. Khairil Ahmad and Abdullah attended the Roundtable on Freedom of Information (FOI) in Malaysia: Strengthening the Legal Framework and Advancing Openness, co-organised by the Centre for Independent Journalism (CIJ), the Parliamentary Special Select Committee (PSSC) on Human Rights, Election and Institutional Reforms, and the Legal Affairs Division (BHEUU) under the Prime Minister's Department. The panel sessions in this roundtable aimed to examine the importance of FOI across various sectors for all segments of society, review the existing information ecosystem, and consider the way forward.



Akademi

MySDG

Academy

Corporate
Communications
Department

12.11.2025

Latihan ESG bersama SK Magic

ESG Training with SK Magic

88



Zoel Ng telah menyampaikan latihan pertama Akademi MySDG yang boleh dituntut di bawah geran ESG HRD Corp bersama SK Magic. Latihan ini berjaya dilaksanakan dengan sokongan daripada individu sumber, Jess, Salinee, dan Andy, serta pegawai Akademi, Iman Nurhakim.



Zoel Ng delivered MySDG Academy's first training session, which is claimable under the HRD Corp ESG grant, in collaboration with SK Magic. The training was successfully implemented with support from resource persons Jess, Salinee, and Andy, as well as Academy officer, Iman Nurhakim.

15.11.2025

Program Ejen SDG di Pulau Pinang

SDG Agents Programme in Penang

89



Zoel Ng telah merasmikan Program Ejen SDG di Pulau Pinang dengan ucapan pembukaan untuk menyemarakkan tindakan kepimpinan belia dalam kelestarian. Program yang dibiayai bersama oleh Akademi MySDG dan Komuniti SAY ini telah memilih empat kumpulan ejen belia SDG pada bulan Mei untuk melaksanakan inisiatif mereka, melibatkan mereka dalam sesi ceramah berwawasan tentang daya tahan dan impak tempatan, pembelajaran ESD yang mendalam di Kairos Impact Hub, serta sesi refleksi penutup. Seramai 20 orang belia Indonesia yang sedang belajar di UUM turut serta dalam program ini.

Zoel Ng officiated the SDG Agents Programme in Penang with an opening speech to spark youth leadership action on sustainability. The programme, co-funded by the MySDG Academy and SAY Community, selected four groups of youth SDG agents in May to implement their initiatives, engaging them in insightful talks on resilience and local impact, immersive ESD learning at Kairos Impact Hub, and a closing reflection session. A total of 20 Indonesian youths currently studying at UUM also participated in this programme.

21.11.2025

Mesyuarat bersama UCSI University

Meeting with UCSI University

90



Akademi MySDG dan UCSI University telah mengadakan mesyuarat bagi meneroka potensi kerjasama bersama dalam penganjuran sebuah persidangan akademik berwasit pada November 2026 yang memfokuskan kepada arus perdana sektor ketiga. Usaha ini bertujuan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi yang dapat mengukuhkan kredibiliti akademik kami, dan walaupun perbincangan masih di peringkat awal, arah tuju ini dilihat menjanjikan serta berpotensi meningkatkan pengiktirafan terhadap kerja-kerja kami dalam ruang akademik dan praktikal. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh En. Leong Leong Sat Sing, Prof. Dr. Rogayah A. Razak, serta Asst. Prof. Dr. Vimala Govindasamy mewakili UCSI.

MySDG Academy and UCSI University has meeting to explore a potential collaboration in co-organising a peer-reviewed academic conference in November 2026 focused on mainstreaming the third sector. The aim is to produce high-impact publications that can strengthen our academic credibility, and while discussions are still at an early stage, the direction is promising and could elevate how our work is recognised in both scholarly and practical spaces. The meeting was attended by Mr. Leong Sat Sing, Prof. Dr. Rogayah A. Razak, and Asst. Prof. Dr. Vimala Govindasamy representing UCSI.

21.11.2025

Mesyuarat mengenai Latihan ESG & SDG untuk APPEND Filipina

Meeting on ESG & SDG Training for APPEND Philippines

91



Perbincangan telah diadakan bersama Dr. Virginia Jang-Juan yang menyatakan minat yang kuat untuk Akademi MySDG menyokong latihan ESG dan SDG bagi APPEND Philippines iaitu salah satu rangkaian mikro kewangan dan pembangunan sosial terbesar di negara tersebut, yang berkhidmat kepada jutaan penerima di lebih 70 wilayah serta memainkan peranan penting dalam membentuk dasar mikro kewangan nasional. Mesyuarat tersebut juga membincangkan rancangan kerjasama yang munasabah yang selaras dengan Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN, dengan potensi saluran untuk pembiayaan antarabangsa.

A discussion was held with Dr. Virginia Jang-Juan, who expressed strong interest in MySDG Academy supporting ESG and SDG training for APPEND Philippines — one of the country's largest microfinance and social development networks, serving millions across more than 70 provinces and playing a key role in shaping national microfinance policy. The meeting also talked about a feasible collaboration plan aligned with the ASEAN SDG-SSE Roadmap, with potential avenues for international funding.



28-30.11.2025


Sidang Kemuncak Tindakan Masa Hadapan
Future Action Summit

92



Akademi MySDG menjadi penganjur bersama Sidang Kemuncak Tindakan Masa Hadapan bersama ECHO Change, menghimpunkan 150 pemimpin belia dari seluruh dunia melalui program belia serantau pertama anjuran Akademi, yang juga berfungsi sebagai platform perekrutan untuk Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE. Saparguly turut menyokong inisiatif ini di bawah kepimpinan Zoel Ng.

MySDG Academy co-hosted the Future Action Summit with ECHO Change, bringing together 150 youth leaders from around the world in the Academy's first regional youth programme, which also serves as a recruitment platform for the ASEAN SDG-SSE Roadmap. Saparguly is supporting the initiative under the leadership of Zoel Ng.





JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION DEPARTMENT

4.11.2025


Persidangan Sempadan Baharu dalam Ekonomi Penjagaan (CARECON 2025) *The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON 2025)*

93



Dr. Teo Lee Ken menghadiri Persidangan Sempadan Baharu dalam Ekonomi Penjagaan (CARECON 2025), sebuah persidangan dua hari yang menghimpunkan pemimpin dan pengamal ekonomi penjagaan dari seluruh ASEAN melalui sesi panel, bengkel dan pameran. Persidangan ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan turut disertai wakil antarabangsa seperti UN Women, UNFPA, UNICEF serta Australia High Commission, selain ucapan prarakam daripada Armida Salsiah Alisjahbana dan Dr. Kao Kim Hourn. Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Di Malaysia 2026–2030.

Dr. Teo Lee Ken attended The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON 2025), a two-day conference that brought together leaders and practitioners in the care economy from across ASEAN through panel sessions, workshops, and exhibitions. The conference was officiated by YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri and attended by international representatives from UN Women, UNFPA, UNICEF, and the Australia High Commission, along with pre-recorded remarks from Armida Salsiah Alisjahbana and Dr. Kao Kim Hourn. The event also featured the launch of the Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026–2030.





JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

5.11.2025

Mesyuarat Persiapan 1 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 *Preparation Meeting 1 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

94



En. Muhammad Shazie Zaini dan Nur Farah Ezzaty, mewakili Kop & Persatuan Rakan Solusi, telah mengadakan mesyuarat untuk memuktamadkan persiapan bagi Tamu SDG. Perbincangan memfokuskan kepada memastikan semua hal ehwal logistik dan koordinasi berada dalam keadaan teratur, termasuk menyemak aliran program tentatif dan meneliti senarai akhir reruai penyedia solusi.

Muhammad Shazie Zaini and Nur Farah Ezzaty, representing Kop & Persatuan Rakan Solusi, held a meeting to finalise preparations for the Tamu SDG. The discussion focused on ensuring all logistics and coordination matters were in order, which included reviewing the tentative programme flow and going through the final list of solution providers' booths.

10.11.2025

Mesyuarat Persiapan 2 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 *Preparation Meeting 2 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

95



Mesyuarat mengenai penganjuran Tamu SDG yang akan datang di Parlimen telah diadakan oleh pasukan Pengurusan Projek bersama En. Muhammad Shazie Zaini dan Pn. Nur Balqis. Nur Farah Ezzaty dan pasukan telah mempengerusikan mesyuarat tersebut dengan membincangkan peranan staf serta penyediaan reruai untuk mesyuarat susulan seterusnya berkaitan acara ini.

A meeting on the upcoming Tamu SDG at Parliament was held by the Project Management team together with Mr. Muhammad Shazie Zaini and Ms. Nur Balqis. Nur Farah Ezzaty and her team chaired the meeting, discussing staff roles and the preparation of booths for the next follow-up meeting related to this event.

13.11.2025

Mesyuarat Persiapan 4 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 *Preparation Meeting 4 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

96



Mesyuarat persediaan bagi Tamu SDG telah diadakan, di mana Nur Farah Ezzaty dan En. Shazie memuktamadkan susunan utama, manakala James Raj turut hadir untuk mengikuti beberapa perkembangan penting. Terdahulu, wakil Persatuan dan Koperasi, iaitu Darshini dan Pn. Nur Balqis, turut mengadakan pertemuan dengan En. Muhammad Shazie Zaini bagi menyelaraskan hal ehwal organisasi.

A preparation meeting for the upcoming Tamu SDG was held where Nur Farah Ezzaty and Mr. Muhammad Shazie Zaini finalised key arrangements, with James Raj joining for important updates. Earlier, Persatuan and Koperasi representatives Darshini and Ms. Nur Balqis also met with Mr. Shazie to streamline organisational matters.

17.11.2025

Sesi Temu Bual Pemberi Maklumat Utama (KII)*Key Informant Interview (KII) session*

97




Nur Farah Ezzaty dan Darshini telah menyertai sesi Temu Bual Pemberi Maklumat Utama (KII) yang dijalankan oleh Pn. Rozalina Ismail (Pengarah Kanan, Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia) bagi penyelidikan PhD beliau. Dalam sesi tersebut, mereka berkongsi pandangan mendalam mengenai inisiatif keterjaminan makanan APPGM-SDG, merangkumi keseluruhan proses dari kelulusan hingga pasca pelaksanaan, serta memperincikan peranan individu sumber, penerbitan, projek kebun model Ipoh, dan usaha pembangunan kapasiti. Puan Rozalina amat kagum dengan modul pertanian lestari yang telah dibangunkan dan merancang untuk menjemput kedua-dua mereka untuk membentangkan hasil kerja ini di peringkat kebangsaan pada Mac 2026.

Nur Farah Ezzaty and Darshini participated in the Key Informant Interview (KII) session conducted by Ms. Rozalina Ismail (Senior Director, Nutrition Division, Ministry of Health Malaysia) for her PhD research. In the session, they shared in-depth insights into APPGM-SDG's food security initiatives, covering the entire process from pre-approval to post-implementation, as well as detailing the roles of resource persons, publications, the Ipoh model farm project, and capacity-building efforts. Ms. Rozalina was very impressed with the sustainable agriculture modules that were developed and plans to invite both of them to present their work at the national level in March 2026.

20.11.2025

Mesyuarat Persiapan 6 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025*Preparation Meeting 6 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

98



PMD telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama sekitar 50 SP dan penerima manfaat yang akan menyertai Karnival 'TAMU SDG' akan datang. Pasukan turut memberikan taklimat mengenai jadual penuh program dan persiapan program. Semua SP dan penerima manfaat menyatakan komitmen serta kesediaan mereka untuk menguruskan booth masing-masing pada karnival yang akan berlangsung pada 1-2 Disember 2025 di Parlimen Malaysia, dengan persiapan dilaporkan berjalan lancar.

PMD held a coordination meeting with around 50 SPs and beneficiaries who will be participating in the upcoming 'TAMU SDG' Carnival. The team also provided a briefing on the full programme schedule and event preparations. All SPs and beneficiaries expressed their commitment and readiness to manage their respective booths at the carnival, which will take place on 1-2 December 2025 at Parliament Malaysia, with preparations reported to be progressing smoothly.



21.11.2025


SEEd.Lab X Program Anugerah Sidang Kemuncak Dunia (WSA) SEEd.Lab X World Summit Award (WSA) event

99



Nur Shaidatul dan Kartiga menghadiri acara SEEd.Lab x WSA di Petrosains, KLCC, di mana salah seorang daripada enam Pemenang Kebangsaan WSA 2025 merupakan Rakan Solusi APPGM-SDG dari Sabah. Radziah Matarsad dari Semporna telah terpilih sebagai pemenang WSA Malaysia 2025 di bawah kategori Memperkasakan Komuniti melalui inovasi sangkar rumpai laut yang dibangunkannya menerusi projek Sekuriti Makanan APPGM-SDG.

Nur Shaidatul and Kartiga attended the SEEd.Lab x WSA event at Petrosains, KLCC, where one of the six WSA 2025 National Winners was APPGM-SDG solution provider from Sabah. Radziah Matarsad from Semporna was selected as a WSA Malaysia 2025 winner under the Empowering Communities category for her innovative seaweed cage initiative, developed through the APPGM-SDG Food Security project.



JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTIONS DEPARTMENT

11.11.2025

Simposium Alam Bina 2025

Symposium on Built Environment 2025

100



Dr. Wan Asiah Nurjannah telah dijemput untuk berkhidmat sebagai ahli juri bagi Simposium Alam Bina 2025, yang mana Persidangan Ukur Bangunan Antarabangsa Kedua 2025 dianjurkan sebagai salah satu komponen utamanya. Program ini menampilkan beberapa sesi berprestij, termasuk ucap tama yang disampaikan oleh Dato' Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif, bekas Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dr Wan Asiah Nurjannah was invited to serve as a jury member for the Symposium on Built Environment 2025, within which the 2nd International Building Surveying Conference 2025 was organised as one of its key components. The programme featured several distinguished sessions. A keynote address was delivered by Dato' Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif, Former Mayor of Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

13.11.2025

Mesyuarat Kemajuan Inisiatif Solusi Dasar bersama Yayasan Hasanah

Progress Meeting of the Policy Solution Initiative with Yayasan Hasanah

101



Satu mesyuarat telah diadakan bersama Pn. Raja Nor Dianna Raja Harun, Ketua Perhubungan Strategik di Yayasan Hasanah, untuk membentangkan kemajuan terkini Inisiatif Solusi Dasar. Sesi ini berfungsi sebagai Laporan Berkala Projek yang meliputi tempoh Julai hingga Oktober 2025 dan juga merupakan susulan kepada Forum Intervensi Dasar SDG: Residen & Pegawai Daerah yang diadakan baru-baru ini. Kerjasama bersama antara APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah ini menyokong secara langsung SDG 16.7 dengan bertujuan untuk memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, melibatkan penyertaan, dan berwakil di semua peringkat melalui pengukuhan kolaborasi tempatan dan solusi dasar berasaskan bukti.

A meeting was held with Ms. Raja Nor Dianna Raja Harun, Head of Partnership at Yayasan Hasanah, to present the latest progress of the Policy Solution Initiative. This session served as a Project Periodical Report covering July to October 2025 and functioned as a follow-up to the recent SDG Policy Intervention Forum: Residents & District Officers. This collaboration between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah directly supports SDG 16.7 by aiming to ensure responsive, inclusive, participatory, and representative decision-making through strengthened local collaboration and evidence-based policy solutions.

13.11.2025

Mesyuarat Kerjasama bersama PSPK Gombak*Collaborative Meeting with PSPK Gombak*

102



Paniirselvam telah mengadakan mesyuarat bersama PSPK Gombak, sebuah organisasi pembangunan komuniti yang telah lama bertapak dan Rakan APPGM-SDG, untuk membincangkan perkongsian bagi Inisiatif Solusi Dasar di Selayang, Selangor. PSPK Gombak bersetuju untuk menjadi rakan strategik dalam inisiatif ini, dan komited untuk berusaha bersama merentasi pelbagai bidang dasar yang bertujuan untuk membangunkan solusi dasar yang berkesan.

Paniirselvam held a meeting with PSPK Gombak, a long-established community development organisation and existing APPGM-SDG Partner, to discuss a partnership for the Policy Solutions Initiative in Selayang, Selangor. PSPK Gombak agreed to become a strategic partner in this initiative, committing to joint efforts across various policy areas aimed at developing effective policy solutions.

20.11.2025

Pembentangan Kertas di PERKKS25*Paper Presentation at PERKKS25*

103



Dr. Wan Asiah Nurjannah membentangkan kertas kerja hasil yang ditulis bersama Paniirselvam bertajuk “Cabaran Multidimensi Trend Mega Pengganggu (*Disruptive Megatrend*) dalam Isu Kependudukan dan Keperluan Penyelesaian Dasar Secara *Multi Stakeholder*: Kajian Kes APPGM SDG dalam Kerangka Dasar Makro yang Efektif melalui Penglibatan Akar Umbi (Mikro)” di Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2025 (PERKKS25). Pembentangan tersebut menyoroti analisis isu kependudukan berdasarkan metodologi APPGM-SDG, termasuk pemetaan isu, pengumpulan data akar umbi dan penglibatan pelbagai pihak, merangkumi topik seperti ekonomi penjagaan, kesihatan mental, jurang kebajikan, kemiskinan multidimensi dan peranan CSO. Hasil analisis ini menjadi asas kepada Inisiatif Intervensi Dasar peringkat daerah yang digerakkan melalui PSD dengan fokus terhadap pelaksanaan dasar yang lebih inklusif dan responsif.


Dr. Wan Asiah Nurjannah presented a paper (co-authored with Paniirselvam) titled “Cabaran Multidimensi Trend Mega Pengganggu (Disruptive Megatrend) dalam Isu Kependudukan dan Keperluan Penyelesaian Dasar Secara Multi Stakeholder: Kajian Kes APPGM SDG dalam Kerangka Dasar Makro yang Efektif melalui Penglibatan Akar Umbi (Mikro)” at the National Population Conference 2025 (PERKKS25). The presentation highlighted population issue analysis based on APPGM-SDG’s methodology, including issue mapping, grassroots data collection and systematic multi-stakeholder engagement, covering topics such as the care economy, mental health, welfare gaps, multidimensional poverty and the role of CSOs. The findings form the basis for the District-Level Policy Intervention Initiative led by the Policy Solutions Department (PSD), focusing on more inclusive and responsive policy implementation.



8.11.2025

Taklimat Program Kejiranan & Kepimpinan (PKK) bagi tahun 2025-2026*Briefing on the Neighborhood & Leadership Program (PKK) for the year 2025-2026*

104



Taklimat Program Kejiranan & Kepimpinan (PKK) bagi tahun 2025-2026 telah diadakan secara atas talian. Program ini dijalankan melalui dana kelestarian rakan APPGM-SDG dan Inisiatif Intervensi Dasar, usahasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah & Kementerian Kewangan. Program yang melibatkan seramai 46 pemimpin kejrangan di seluruh negara sejak 2023 ini akan diteruskan ke tahun ketiga dengan penambahan dana untuk pemerkasaan dan pengiktirafan Jawatankuasa Kejrangan sebagai anggota Rakan APPGM-SDG, bagi membolehkan tiga objektif berimpak tinggi dicapai pada 2026.

The Neighbourhood & Leadership Programme (PKK) Briefing for 2025-2026 was held online. This programme is implemented through the APPGM-SDG partner sustainability fund and is part of the Policy Intervention Initiative, a collaboration between APPGM-SDG, Yayasan Hasanah, and the Ministry of Finance. The programme, which has involved 46 neighbourhood leaders nationwide since 2023, will continue into its third year with additional funding for the empowerment and recognition of the Neighborhood Committees as APPGM-SDG Partner members, enabling three high-impact objectives to be achieved in 2026.



JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

5.11.2025

Mesyuarat Bersama Pakar Bidang Dalam Penulisan Laporan Akhir Dasar Peringkat Parlimen APPGM-SDG

Meeting with Subject Experts Involved in the writing of the APPGM-SDG Parliamentary-Level Policy Final Report

105



Satu mesyuarat telah diadakan dengan pakar subjek yang menyumbang kepada penulisan laporan dasar 2025 bagi mengukuhkan saluran komunikasi, terutamanya dengan Jabatan Komunikasi Korporat. Fokus utama adalah untuk membincangkan penambahbaikan dan penulisan semula bahagian laporan tertentuberdasarkan maklum balas yang diterima untuk kertas individu. Selain itu, Hirzawati Atikah turut memberikan panduan mengenai jangkaan infografik untuk memandu reka bentuk akhir laporan tersebut.

A meeting was conducted with subject experts contributing to the 2025 policy report writing to strengthen communication channels, particularly with the Corporate Communication Department. The key focus was to discuss improvements and re-writing of specific report sections based on the feedback received for individual papers. Hirzawati Atikah also provided insights into the infographic expectations to guide the final design of the report.

10.11.2025

Forum ASEAN-UNFPA mengenai Dinamik Populasi dan Pembangunan 2025

ASEAN-UNFPA Forum on Population Dynamics and Development 2025

106




Dr. Teo Sue Ann telah menghadiri Forum ASEAN-UNFPA mengenai Dinamik Populasi dan Pembangunan 2025. Forum tersebut menampilkan perbincangan mengenai populasi yang menua, ekonomi perak (*silver economy*), pembangunan belia, dan ekonomi penjagaan berasaskan gender (*gendered care economy*).

Dr. Teo Sue Ann attended the ASEAN-UNFPA Forum on Population Dynamics and Development 2025. The forum featured discussions ageing population, silver economy, youth development, and gendered care economy.

17.11.2025

Mesyuarat dengan Pakar Subjek mengenai Infografik Laporan Dasar Peringkat Parlimen*Meeting with Subject Expert on Parliamentary-Level Policy Report Infographic*

107



PPAD telah mengadakan perjumpaan dengan En. Kon Onn Sein untuk membincangkan kemajuan penulisan laporan dasar yang bertemakan keterjaminan makanan (pertanian). Dalam sesi ini, PPAD juga mengambil peluang untuk membentangkan draf infografik yang diterima daripada Jabatan Komunikasi Korporat bagi mendapatkan maklum balas dan input sebelum infografik akhir dimuktamadkan.

PPAD held a meeting with Mr. Kon Onn Sein to discuss the progress of writing the policy report themed food security (agriculture). In this session, PPAD also took the opportunity to present the infographic draft received from the Corporate Communications Department to gather feedback and input before the final infographic is finalised.

18.11.2025

Mesyuarat dengan Pakar Subjek mengenai Infografik Laporan Dasar Peringkat Parlimen*Meeting with Subject Expert on Parliamentary-Level Policy Report Infographic*

108



Perjumpaan susulan telah diadakan bersama Hirzawati Atikah, wakil Jabatan Komunikasi Korporat bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai penghasilan infografik. Sesi ini bertujuan mengenal pasti sebarang kesulitan yang dihadapi serta memastikan proses penghasilan infografik berjalan lancar dan mengikut perancangan dari semasa ke semasa.

A follow-up meeting was held with Hirzawati Atikah, the representative from the Corporate Communications Department, to obtain the latest updates on the progress of the infographic development. The session aimed to identify any challenges faced and to ensure that the infographic production process proceeds smoothly and according to plan from time to time.





19.11.2025


Siri Seminar Fakulti di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya
Faculty Seminar Series at Department of Indian Studies, University of Malaya

109



Dr. Teo Sue Ann telah dijemput untuk menyampaikan ceramah mengenai peranan dan tanggungjawab ahli akademik dalam menyumbang kepada usaha negara mencapai SDG. Sesi yang penuh ilmu ini telah diadakan di Universiti Malaya dan dihadiri oleh ahli akademik serta pelajar. Sesi tersebut menekankan kepentingan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan termasuk penyertaan aktif daripada kalangan ahli akademik bagi memastikan kejayaan pelaksanaan SDG di Malaysia.

Dr. Teo Sue Ann was invited to deliver a talk on the roles and responsibilities of academicians in contributing to the country's efforts to achieve the SDGs. The insightful session was held at Universiti Malaya and attended by both academicians and students. The session emphasized the importance of multi-stakeholder engagement including active participation from academicians to ensure the successful achievement of the SDGs in Malaysia.





PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

3.11.2025

Mesyuarat berkenaan Strategi untuk Menerapkan Amalan Kelestarian di Pejabat *Meeting on Strategies to Embed Sustainability Practices in the Office*

110



Berikutan mesyuarat suku ketiga, Nur Syadhira dan Kezia Sim mengadakan perbincangan ringkas mengenai strategi untuk menerapkan amalan kelestarian di pejabat, dengan mengenal pasti tindakan praktikal yang akan dilaksanakan pada tahun 2026.

Following the quarter three meeting, Nur Syadhira and Kezia Sim held a brief discussion on strategies to embed sustainability practices in the office, identifying practical actions to be implemented in 2026.

3.11.2025

Mesyuarat bagi Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 *Meeting for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

111



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat persediaan bersama YB Tuan Rushdan Rusmi dan YB Dr. Ahmad Fakhruddin Sheikh Fakhurrazi di Bangunan Parlimen Malaysia bagi membincangkan pelaksanaan Tamu SDG. Perbincangan merangkumi aspek logistik, penglibatan agensi strategik, peluang kerjasama baharu dan penyelarasan aktiviti, diikuti tinjauan lokasi sekitar Parlimen bagi menilai kesesuaian ruang untuk pameran dan sesi libat urus komuniti.

The APPGM-SDG team held a preparatory meeting with YB Tuan Rushdan Rusmi and YB Dr. Ahmad Fakhruddin Sheikh Fakhurrazi at the Parliament of Malaysia to discuss the implementation of the Tamu SDG. The discussion covered logistical arrangements, strategic agency involvement, potential new collaborations, and activity coordination, followed by a site recce around Parliament to assess suitable spaces for exhibitions and community engagement sessions.

5.11.2025

Mesyuarat bersama YB Puan Rodiyah Sapiee*Meeting with YB Puan Rodiyah Sapiee*

112



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan perjumpaan bersama YB Puan Rodiyah Sapiee (Ahli Parlimen Batang Sadong) di mana Raine Melissa dan Dr. Eva Kristin (Pejabat Wilayah Sarawak) telah memberikan maklumat terkini kepada YB Puan Rodiyah Sapiee mengenai projek-projek Sarawak, pemetaan isu, dan inisiatif PSD. Pada masa yang sama, PPAD (Lydia Ann) memberi taklimat kepada YB Puan Rodiyah mengenai laporan dasar perikanan APPGM-SDG. Dr. Teo Lee Ken dan Paniirselvam turut hadir untuk mendapatkan panduan beliau mengenai perancangan strategik 2026.

The APPGM-SDG team held a meeting with YB Puan Rodiyah Sapiee (Member of Parliament for Batang Sadong), during which Raine Melissa and Dr. Eva Kristin (Sarawak Regional Office) briefed her on the latest updates regarding Sarawak projects, issue mapping, and PSD initiatives. At the same time, PPAD's Lydia Ann provided YB Puan Rodiyah with a briefing on the APPGM-SDG fisheries policy report. Dr. Teo Lee Ken and Paniirselvam were also present to seek her guidance on the 2026 strategic planning.

6.11.2025

Pendefinisian Semula Pembasmian Kemiskinan di ASEAN*Redefining Poverty Eradication in ASEAN*

113



Dr. Wan Asiah Nurjannah dan Dr. Teo Lee Ken telah menghadiri sesi pagi perbincangan meja bulat "Pendefinisian Semula Pembasmian Kemiskinan di ASEAN" (*Redefining Poverty Eradication in ASEAN*), yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed. Panelis menekankan keperluan untuk intervensi kemiskinan yang bersasar, berasaskan wilayah, dan berfokus kepada mobiliti, disokong oleh pangkalan data peringkat akar umbi dan perkongsian amalan terbaik ASEAN. Wakil APPGM-SDG turut berkongsi intervensi mereka dan meneroka potensi kerjasama dengan Dr. Alellie Sobrevinas dari De La Salle University. Kemudian, Dr. Wan Asiah Nurjannah, Lydia, dan Nuha menghadiri forum pada sebelah petang di PICC, Putrajaya, di mana perbincangan berpusat pada pendekatan inovatif, kisah kejayaan, dan peranan kritikal memperkukuh mobiliti sosial melalui pendidikan tinggi sebagai laluan untuk menamatkan kemiskinan.

Dr. Wan Asiah Nurjannah and Dr. Teo Lee Ken attended the morning session of the "Redefining Poverty Eradication in ASEAN" roundtable, chaired by Dato' Sri Mustapa Mohamed, where panelists stressed the need for targeted, region-based, and mobility-focused poverty interventions, supported by grassroots-level databases and ASEAN best practices. The APPGM-SDG representatives shared their interventions and explored potential cooperation with Dr. Alellie Sobrevinas of De La Salle University. Later, Dr. Wan Asiah Nurjannah, Lydia, and Nuha attended the evening forum at PICC, Putrajaya, where discussions centred on innovative approaches, success stories, and the critical role of strengthening social mobility through higher education as a path to ending poverty.



6.11.2025

Taklimat Penyata Kewangan untuk Audit Akan Datang*Financial Statement Briefing for Upcoming Audit*

114



Rachel Tan dan Siti Hajar telah mengadakan sesi taklimat dengan En. Kon Onn Sein untuk menyemak Penyata Kewangan sebagai persediaan untuk audit yang akan datang.

Rachel Tan and Siti Hajar conducted a briefing session with Mr. Kon Onn Sein to review the Financial Statements in preparation for the upcoming audit.

11.11.2025

Mesyuarat Persiapan 3 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025*Preparation Meeting 3 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

115



Satu mesyuarat penyelarasan bersama YB Rushdan Rusmi serta wakil persatuan dan koperasi telah diadakan bagi membincangkan persiapan untuk Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti yang akan datang. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh En. Shazie dan turut dihadiri Pn. Balqis ini merangkumi perancangan aktiviti, penglibatan SP serta strategi pelaksanaan. YB Rushdan turut berkongsi cadangan penting, disokong oleh input daripada Sekretariat dan rakan komuniti, sekali gus mencerminkan kerjasama kukuh dan komitmen bersama terhadap kejayaan program ini.

A coordination meeting with YB Rushdan Rusmi and representatives from associations and cooperatives discussed preparations for the upcoming Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025. Led by Mr. Shazie and attended by Ms. Balqis, the session covered activity planning, SP participation and implementation strategies. YB Rushdan shared key suggestions, supported by inputs from the Secretariat and community partners, reflecting strong teamwork and shared commitment to the event's success.



18-19.11.2025

Bengkel Pakatan untuk Masa Depan: Mengukur Kemajuan Melangkaui Ringgit dan Sen (Melangkaui KDNK)*Workshop on the Pact for the Future: Measuring Progress Beyond Ringgit and Sen (Beyond GDP)*

116



APPGM-SDG telah menghadiri Bengkel Pakatan untuk Masa Depan: Mengukur Kemajuan Melangkaui Ringgit dan Sen (Melangkaui KDNK) yang berlangsung selama dua hari. Pada hari pertama, bengkel di Connexion Conference & Event Centre (Nexus), Bangsar South, menampilkan ucapata daripada PBB dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), refleksi masyarakat sivil, dan pemetaan tindakan kolaboratif. Seterusnya, pada hari kedua, perbincangan diteruskan di Ruang Komuniti MySDG dengan sokongan daripada ramai ahli bagi menyemak semula hasil perbincangan hari sebelumnya serta merancang hala tuju yang akan datang.

APPGM-SDG attended the Workshop on the Pact for the Future: Measuring Progress Beyond Ringgit and Sen (Beyond GDP) which lasted for two days. On the first day, the workshop at the Connexion Conference & Event Centre (Nexus), Bangsar South, featured keynote speeches from the UN and the Department of Statistics Malaysia (DOSM), civil society reflections, and collaborative action mapping. Subsequently, on the second day, discussions continued at the MySDG Community Space with support from many members to review the outcomes of the previous day's discussion and plan the way forward.

18.11.2025

Sesi Perkongsian bersama Dr. Hezri Adnan*Sharing Session with Dr. Hezri Adnan*

117




Staf APPGM-SDG telah menghadiri sesi perkongsian di Ruang Komuniti MySDG yang disampaikan oleh Dr. Hezri Adnan, di mana beliau menerangkan tentang cara untuk memahami pengetahuan APPGM-SDG bagi tujuan tindakan dasar yang berkesan. Fokus utama sesi ini adalah untuk menunjukkan bagaimana hasil penemuan APPGM-SDG boleh digunakan secara praktikal.

APPGM-SDG staff attended a sharing session at the Ruang Komuniti MySDG delivered by Dr. Hezri Adnan, where he explained how to make sense of APPGM-SDG knowledge for effective policy action. The main focus of this session was to demonstrate how APPGM-SDG's findings can be used practically.

19.11.2025

Sesi Temu Bual bersama The EDGE
Interview session with The EDGE

118



James Raj telah ditemu bual oleh Pn. Ravinyaa Ravimalar, The Edge untuk membincangkan model APPGM-SDG dalam melokalkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia.

James Raj had an interview with Ms. Ravinyaa Ravimalar, The Edge to discuss the APPGM-SDG's model for localising the Sustainable Development Goals (SDGs) across Malaysia.

19.11.2025

Mesyuarat Persiapan 5 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025
Preparation Meeting 5 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

119



Taklimat bersama seluruh pasukan yang terlibat dalam persiapan Tamu SDG pada 1-2 Disember 2025 di ketuai oleh Nur Farah Ezzaty.

A briefing with the full team involved in preparing for the Tamu SDG on the 1-2 dec 2025 was led by Nur Farah Ezzaty.

19.11.2025

Perbincangan mengenai Semakan Program Pembangunan Kapasiti
Capacity Building Programme Review Meeting

120



Sesi semakan Program Pembangunan Kapasiti telah diadakan bersama CCD, PSD, PMD, dan MySDG-CSI bagi menilai metodologi semasa serta mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan yang lebih berkesan pada tahun akan datang.

A Capacity Building Programme review was held with the CCD, PSD, PMD, and MySDG-CSI teams to assess our current methodology and propose recommendations for enhanced implementation in the coming year.





20.11.2025

Sesi Sumbang Saran bagi Strategi Jabatan Komunikasi Korporat 2026*Brainstorming Session of the Corporate Communication Department's 2026 Strategy*

121



Sekretariat APPGM-SDG telah mengadakan sesi sumbang saran bagi memperkukuh strategi dan pelan pelaksanaan Jabatan Komunikasi Korporat bagi tahun 2026.

The APPGM-SDG Secretariat had a brainstorming session to strengthen the Corporate Communication Department's strategy and implementation plans for 2026.

20.11.2025

Mesyuarat Potensi Kolaborasi bersama C4*Potential Collaboration Meeting with C4*

122



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan pertemuan dengan Pn. Cynthia Gabriel (C4) untuk meneroka kerjasama dalam memperkukuh literasi undang-undang dan kesedaran komuniti mengenai kebertanggungjawaban. Usaha ini selari dengan inisiatif lebih luas, termasuk modul kepimpinan dan tanggungjawab sivik yang baharu, serta program yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ke-13, yang menyokong pendekatan berasaskan komuniti ke arah SDG 16, berfokus kepada keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh.

The APPGM-SDG team met with Ms. Cynthia Gabriel to explore collaborations on strengthening legal literacy and community awareness on accountability. This effort aligns with broader initiatives, including new leadership and civic responsibility modules, as well as programmes tied to the 13th Malaysia Plan which is supporting a community-driven approach to SDG 16 focused on peace, justice and strong institutions.

24.11.2025

Mesyuarat Persiapan 7 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025*Preparation Meeting 7 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

123



Nur Farah Ezzaty, Pn. Nur Balqis (Koperasi) dan Arif Azhad telah bertemu dengan En. Zhafry Hakim dari Bahagian Komunikasi Korporat Parlimen Malaysia bagi membincangkan potensi sokongan dan kerjasama untuk Karnival Tamu SDG pada 1-2 Disember, dengan tumpuan kepada protokol, libat urus Ahli Parlimen, penyelarasan media dan usaha promosi di seluruh Bangunan Parlimen Malaysia.

Nur Farah Ezzaty, Ms. Nur Balqis and Arif Azhad met with Mr. Zhafry Hakim from the Corporate Communications Division of Parlimen Malaysia to discuss potential support and collaboration for the upcoming Karnival Tamu SDG on 1-2 December, focusing on protocol, MP outreach, media coordination, and promotional efforts within Bangunan Parlimen Malaysia.

24.11.2025

Mesyuarat Persiapan 8 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025
Preparation Meeting 8 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

124



Mesyuarat penyelarasan untuk Tamu SDG telah diadakan bagi menyemak kesediaan program. Pasukan penganjur telah memberi taklimat kepada para hadirin mengenai jadual tentatif penuh, garis panduan, logistik, persediaan reruai, keselamatan, aliran orang ramai, dan keperluan operasi di dalam kawasan Parlimen. Semua peserta menyatakan kesediaan mereka untuk menguruskan gerai masing-masing untuk karnival pada 1-2 Disember 2025, dan mesyuarat diakhiri dengan perkembangan yang positif serta penjelasan akhir.

A coordination meeting for the Tamu SDG was held to review programme readiness. The team briefed attendees on the full tentative, guidelines, logistics, booth setup, safety, crowd flow, and operational requirements within the Parliament compound. All participants expressed their readiness to manage their booths for the carnival on 1-2 December 2025, with the meeting concluding on positive progress and final clarifications.

25.11.2025

Mesyuarat Persiapan 9 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025
Preparation Meeting 9 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

125




Yoogeswaran, Pn. Balqis dan Arif Azhad telah bertemu dengan Jabatan Pentadbiran, Pasukan Teknikal dan Pasukan Keselamatan bagi membincangkan logistik dan persiapan untuk Karnival Tamu SDG.

Yoogeswaran, Pn. Balqis and Arif Azhad met the Admin Department, Technical Team & Security Team to discuss on the logistics and preparations for the Karnival Tamu SDG

28.11.2025

Mesyuarat Persiapan 10 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025
Preparation Meeting 10 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

126



Para petugas yang terlibat dalam Majlis Perasmian pada Hari Pertama telah mengadakan mesyuarat taklimat bagi meneliti aliran program serta peranan khusus bagi setiap tugas. Sesi raptai atau latihan penuh akan diadakan pada hari Ahad ini jam 3 petang.

The roleplayers involved in the Launch Ceremony on Day 1 had a briefing meeting to go through the program flow and the specific roles for each task. A dry run or rehearsal will be conducted this Sunday at 3 PM.

29.11.2025

Forum Perlembagaan Malaysia dan Perlindungan Hak Minoriti: Antara Harapan dan Cabaran*The Malaysian Constitution and Protection of Minority Rights: Between Promise and Peril Forum*

127




Karuppiah menghadiri forum “Perlembagaan Malaysia dan Perlindungan Hak Minoriti: Antara Harapan dan Cabaran” yang diadakan di Menara BAC, Petaling Jaya. Panel terkemuka, Prof. Datuk Dr. Syed Faruqi dan Dato’ Dr. Gudial Singh Nijar, menyampaikan syarahan mendalam mengenai hak-hak minoriti di Malaysia dengan merujuk kepada peruntukan Perlembagaan. YB Kulasegaran, Timbalan Menteri Undang-Undang, turut hadir dan berkongsi pandangannya semasa sesi tersebut. Forum ini menghimpunkan lebih 100 peserta, termasuk wakil-wakil NGO dan pengamal undang-undang.

Karuppiah attended the forum “The Malaysian Constitution and Protection of Minority Rights: Between Promise and Peril” held at Menara BAC, Petaling Jaya. The distinguished speakers, Prof. Datuk Dr. Syed Faruqi and Dato’ Dr. Gudial Singh Nijar, delivered insightful lectures on minority rights in Malaysia with references to constitutional provisions. YB Kulasegaran, Deputy Minister of Law, was also present and shared his views during the session. The forum drew more than 100 participants, including representatives from various NGOs and legal practitioners.

29.11.2025

Mesyuarat Persiapan 11 Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025*Preparation Meeting 11 for Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025*

128



Arif Azhad, En. Muhammad Shazie Zaini, Pn. Nur Balqis, Faiz Hadzim, Kartiga dan Nur Farah Ezzaty mengadakan mesyuarat bagi menyelaraskan aliran, peranan dan jangkaan untuk sesi Live-Streaming/Podcast sempena Karnival Tamu SDG pada 1-2 Disember di Parlimen Malaysia. Sesi ini akan menampilkan YB, SP dan wakil agensi untuk berkongsi pengalaman, galakan, pandangan utama serta impak inisiatif mereka dan APPGM-SDG, dengan tujuan menetengahkan komitmen terhadap SDG, menggalakkan kerjasama dan memberi masyarakat gambaran lebih dekat tentang usaha di lapangan.

Arif Azhad, Mr. Muhammad Shazie Zaini, Ms. Nur Balqis, Faiz Hadzim, Kartiga, and Nur Farah Ezzaty met to discuss the flow, roles, and expectations for the live-streaming/podcast segment of the upcoming Karnival Tamu SDG on 1-2 December at Parlimen Malaysia. The session will feature YB, SPs, and agency representatives sharing their experiences, insights, and the impact of their work with APPGM-SDG, aiming to showcase their commitment to the SDGs, inspire collaboration, and provide the public with a closer look at initiatives on the ground.



SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT

SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama Untuk Matlamat merupakan asas kepada strategi pelaksanaan APPGM-SDG, yang **memacu kerjasama merentasi sektor** dengan Parlimen, agensi kerajaan, universiti, pertubuhan sivil, dan sektor swasta bagi mengukuhkan penyampaian SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan lalu, kerjasama baharu dan yang diperluaskan telah menyumbang kepada pembinaan ekosistem pelaksanaan yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat APPGM-SDG memainkan peranan penting dalam menyelaras kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan ke arah mencapai impak kolektif.**

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The APPGM-SDG's Headquarter plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact.***

Accomplished





SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

2.11.2025

Majlis Makan Tengah Hari bersama Rakan-Rakan NGO Luncheon with Fellow NGO Partners

129



Muhammad Yusof, Mohd Hazwan, Azmeer Rafiq dan Nur Syadhira menghadiri majlis makan tengah hari bersama rakan-rakan NGO yang dianjurkan oleh CETDEM di Hotel Berjaya Times Square. Majlis ini diadakan bagi menghargai kerjasama berterusan dan usaha kolektif dalam menyokong misi pertanian organik selaras dengan nilai SDG. Idea dan pandangan bernilai yang dikongsikan oleh penganjur turut mengukuhkan lagi pemahaman serta komitmen kami dalam mempromosikan pertanian organik demi kelestarian masa hadapan.

Muhammad Yusof, Mohd Hazwan, Azmeer Rafiq, and Nur Syadhira attended a luncheon with fellow NGO partners organised by CETDEM at Berjaya Times Square Hotel. The event aimed to appreciate ongoing collaboration and collective efforts in supporting the organic farming mission, aligned with the SDG value. Valuable ideas and insights shared by the organisers further strengthened our understanding and commitment to promoting organic farming for a more sustainable future.

2.11.2025

Sesi Taklimat bersama Para Delegasi dari Persidangan SE Manila Debrief Session with Delegates from the Manila SE Conference

130



Sesi taklimat telah diadakan bersama delegasi selepas kehadiran mereka di Persidangan Ekonomi Sosial (SE) Manila. Sesi ini telah memudahkan perkongsian yang mantap, menjana pengajaran yang bernilai mengenai kemajuan agenda SDG dan SSE di seluruh rantau. Peserta mencapai penyelarasan mengenai hala tuju strategik untuk Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN, secara khususnya menangani bidang-bidang penting seperti masa dan platform bagi Pelancaran Pelan Hala Tuju, penubuhan Sekretariat, pembangunan model pembiayaan lestari, penentuan sistem pemantauan dan penilaian, serta perluasan asas perkongsian.

A debrief session was conducted with the delegation following their attendance at the Manila Social Economy (SE) Conference. The session facilitated rich sharing, generating valuable takeaways regarding the advancement of SDG and SSE agendas across the region. The participants achieved alignment on the strategic way forward for the ASEAN SDG-SSE Roadmap, specifically addressing crucial areas such as the timing and platforms for the Roadmap Launching, the establishment of the Secretariat, developing sustainable financing models, defining the monitoring and evaluation system, and expanding the partnership base.





NOVEMBER 2025



SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT |
SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

25.11.2025

Majlis Makan Malam Alumni PTD (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) 2025

PTD (Administrative and Diplomatic Officer) Alumni Dinner 2025


131



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria menghadiri Majlis Makan Malam Alumni PTD (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) 2025, di mana beliau bertemu dengan Timbalan Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Dr. Johari Abdul dan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Dato' Nor Azmie Diron dan Dato' Sri Mustapa Mohamed.



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria attended the PTD (Administrative and Diplomatic Officer) Alumni Dinner 2025, where he met with the Deputy Minister of Finance II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, the Speaker of the Dewan Rakyat (House of Representatives), Tan Sri Dato' Dr. Johari Abdul, and the Secretary-General of the Ministry of Economy, YBhg. Dato' Nor Azmie Diron and Dato' Sri Mustapa Mohamed.





Tarikh Program

Programme Dates



- 1

Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 anjuran APPGM-SDG, Koperasi & Persatuan Rakan Solusi APPGM-SDG | *Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025 organised by APPGM-SDG, Cooperative & Association of APPGM-SDG Solution Partners*

1 - 2 Disember 2025
1 - 2 December 2025
- 2

Parlimen Teluk Intan - Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG | *Teluk Intan Parliament - SDG Capacity Building Workshop*

11 Disember 2025
11 December 2025
- 3

"Menghargai Perlembagaan Persekutuan dalam Pembinaan Komuniti dan Negara: Ciri-ciri Utama untuk Perpaduan Komuniti, Penghormatan terhadap Kepelbagaian & Hak-hak Asasi" menampilkan Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj Shad Saleem Faruqi | *"Appreciating the Federal Constitution in community and national building: Key features for Community unity, Respect for diversity & Fundamental rights" feat. Prof Emeritus Datuk Dr Hj Shad Saleem Faruqi*

13 Disember 2025
13 December 2025
- 4

Mesyuarat Pengarusutamaan Sektor Ketiga | *Mainstreaming 3rd Sector Meeting*

20 Disember 2025
20 December 2025



Senarai Singkatan | *List of Abbreviations*

	MALAY	ENGLISH
ADO	Penolong Pegawai Daerah	Assistant District Officer
APPGM-SDG	Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (SDG)
CADO	Ketua Penolong Pegawai Daerah	Chief Assistant District Officer
CCD	Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen	Constituency Coordination Department
CLC	Pusat Pembelajaran Komuniti	Community Learning Centre
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sipil	Civil Society Organisation
DO	Pegawai Daerah	District Officer
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus	Focus Group Discussion
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	Federal Land Development Authority
IAD	Dialog Antara Agensi	Inter-Agency Dialogue
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung	Village Development and Security Committee
KRT	Kawasan Rukun Tetangga	Neighbourhood Watch
LC	Penyelaras Tempatan	Local Coordinator
MP	Ahli Parlimen (AP)	Member of Parliament
MPI	Indeks Kemiskinan Multidimensi	Multidimensional Poverty Index
OKU	Orang Kurang Upaya	Persons with Disabilities (PwD)
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation
PKK	Program Kejiranan dan Kepimpinan	Neighbourhood and Leadership Programme
PMD	Jabatan Pengurusan Projek	Project Management Department
PPAD	Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen	Parliamentary Policy Advocacy Department
PPDK	Pusat/Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation Centre
PSD	Jabatan Solusi Dasar	Policy Solutions Department
RMK13	Rancangan Malaysia Ketigabelas	Thirteenth Malaysia Plan (13MP)
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	Sustainable Development Goals
SP	Rakan Solusi	Solution Provider
UN	United Nations	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)



**Penyelarasan
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek
Mikro SDG**

**Pembangunan
Kapasiti**

**Advokasi Dasar
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar
Peringkat Daerah**

**Pemeriksaan
Belia**

**Akademi
MySDG**

**Pusat MySDG untuk
Keterangkuman Sosial**



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN